



Diterbitkan sejak 1932

ماجوتن

MAJUTAN

EDISI JUL-DIS 2021 untuk warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

www.forestry.gov.my



**PROGRAM
BERBASIKAL
DAN
PENGHIJAUAN
MALAYSIA**

BERSAMA MENTERI
TENAGA DAN SUMBER
ASLI

**FENOMENA
MASS
FLOWERING**

PEROLEHAN BIJI BENIH

**FORESTRY
LEADERSHIP
AND
ASSESSMENT
PROGRAMME
(FOR-LEAD)**

GERAK KERJA PASUKAN
PETUGAS

**SISTEM
e-GEOSPATIAL
PERHUTANAN**

KURSUS PENGGUNAAN
APLIKASI

BULETIN MAJUTAN

2021

JULAI-DISEMBER

**JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**


SEMINAR ON THE IMPLEMENTATION OF UNITED NATIONS FOREST INSTRUMENT (UNFI) AND SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT FOR DEVELOPING COUNTRIES

KUALA LUMPUR, 21 JULAI-3 OGOS 2021

Pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah dipelawa untuk menyertai Seminar on the Implementation of United Nations Forest Instrument (UNFI) and Sustainable Forest Management for Developing Countries secara maya mewakili Malaysia. Seminar yang dianjurkan oleh National Academy of Forestry and Grassland Administration (NAFGA) tersebut telah berlangsung secara maya pada 21 Julai hingga 3 Ogos 2021 bermula jam 3 petang hingga 8.30 malam setiap hari dengan dihadiri oleh 11 orang pegawai JPSM dan seorang pelajar latihan industri.

Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai International Forest Arrangement, United Nations Forest Instrument (UNFI) dan United Nations Strategic Plan on Forest (UNSPF). Dalam seminar tersebut, peserta turut didedahkan dengan peluang-peluang pembiayaan perhutanan di peringkat global dan berkongsi amalan baik dalam pelaksanaan UNFI, UNSPF serta pengurusan hutan secara berkekalan di negara masing-masing.

Seramai 100 peserta daripada 15 negara telah mengambil bahagian dalam seminar ini iaitu dari Botswana, Ethiopia, Kenya, Malawi, Malaysia, Mongolia, Nigeria, South Africa, Sri Lanka, Thailand, Filipina, Uganda, Uzbekistan, Vietnam and Zambia. Selain itu, terdapat dua (2) orang sekretariat daripada United Nation Forum on Forest (UNFF) turut terlibat sebagai penceramah jemputan iaitu Cik Njeri Kariuki, Sustainable Development Officer dan Encik Peter Gondo, Inter-Regional Adviser.




Antara peserta yang hadir dalam Seminar on the Implementation of United Nations Forest Instrument (UNFI) and Sustainable Forest Management for Developing Countries

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa



Majlis Perasmian disempurnakan oleh Encik Yan Jian, Vice President of NAFGA



Perkongsian mengenai Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan UNFI di Malaysia telah disampaikan oleh Cik Iqtie Qamar Laila binti Mohd Gani, Pen. Pengarah Kanan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa



SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2021 SECARA ATAS TALIAN

Disediakan oleh: Suhana binti Bebakar
Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan

KUALA LUMPUR, 26 JULAI 2021

Sesi Ke-38 Persidangan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)* pada 6 November 2015 di Paris telah mengisytiharkan tarikh 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa. Lanjutan daripada itu, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah diberi tanggungjawab untuk pengisian sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada setiap tahun bermula semenjak 2016.

Tahun 2021 merupakan tahun pertama program ini disambut secara atas talian sepenuhnya disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP) yang masih berkuatkuasa pada ketika itu. Walaupun begitu, JPSM tetap membuat beberapa pengisian sempena sambutan ini, iaitu Sesi Temuramah Bersama Pengarah BLH Sempena Sambutan Hari Hutan Paya Laut oleh BERNAMA Radio secara langsung, Penganjuran Webinar secara julung kalinya yang bertajuk Pengurusan dan Pemuliharaan Ekosistem Hutan Paya Laut: Dulu, Kini dan Masa Depan serta penganjuran Pertandingan Kuiz Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut 2021 turut diadakan. Seramai lebih daripada 800 orang peserta telah menyertai sesi webinar tersebut.

Selain itu, penganjuran kuiz juga turut melibatkan pelajar sekolah yang berumur 10 hingga 15 tahun yang dikategorikan kepada dua kategori, iaitu Kategori A (10-12 tahun) dan Kategori B (13-15 tahun). Lebih daripada 3,000 orang pelajar telah menyertai pertandingan ini. Tiga (3) orang pemenang telah dipilih mengikut kategori, iaitu Kategori A yang dimenangi oleh Hafiezul Eiman bin Muttaqim (SK Panji, Kelantan), Tempat Kedua dimenangi oleh Hiteshrao Subramaniam (SJKT Batu Cave, Selangor) dan Tempat Ketiga, dimenangi oleh Wan Hafsa binti Wan Azman (SK Taman Tun Dr Ismail, Selangor). Manakala Kategori B dimenangi oleh Muhammad Muzammir bin Rafiqin (SMK Padang Terap, Kedah), Kedua, Shamiqsha A/P Visvanathan (SMK Seremban 2, Negeri Sembilan) dan Ketiga, Muhamad Akhtar 'Afiebie (SMK Padang Kala, Kelantan). Pada 26 Ogos 2021, JPSM telah menganjurkan webinar Siri II yang bertajuk Nyireh (*Xylocarpus spp.*): Spesies Pinggiran Hutan Paya Laut dan seramai lebih daripada 400 orang peserta telah menyertai webinar ini.



Webinar Siri I: 26.07.2021



Webinar Siri II: 26.08.2021

KURSUS PENGENALAN KEPADA *Begonia spp.* SIRI I TAHUN 2021

Disediakan oleh: Reanee Lee
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

KUALA LUMPUR, 12 OGOS 2021

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengadakan Kursus Pengenalan kepada *Begonia spp.* Siri I Tahun 2021 pada 12 Ogos 2021 secara atas talian. Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kakitangan di lapangan dalam pengecaman spesies *Begonia spp.* bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan.

Bagi melancarkan lagi kursus ini, Jabatan telah menjemput seorang penceramah iaitu Dr. Chan Yoke Mui daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan kursus ini telah dihadiri oleh seramai 50 orang peserta termasuk urus setia yang terdiri daripada kakitangan dari pelbagai peringkat pengurusan di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Secara keseluruhannya, sambutan kursus ini amat menggalakkan dan mendapat komen positif daripada peserta dan berharap agar kursus ini diadakan secara *hands-on* pada masa akan datang.



Taklimat kursus disampaikan oleh Dr. Chan Yoke Mui daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)



Slaid pembentangan Kursus Pengenalan kepada *Begonia spp.* Siri I Tahun 2021

AKTIVITI PEROLEHAN BIJI BENIH SEMPENA FENOMENA MASS FLOWERING OLEH PASUKAN PEMANJAT JPN JOHOR

PANTI, 17 OGOS 2021

Disediakan oleh: Muhammad Sofee bin Muhammad
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Satu demonstrasi aktiviti kutipan perolehan biji benih menerusi kaedah memanjat telah dijalankan oleh Pasukan Pemanjat Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) di Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi. Perubahan cuaca secara drastik telah mencetuskan fenomena *mass flowering* ataupun lebih dikenali sebagai pembungaan secara besar-besaran di sekitar kawasan hutan negeri Johor Darul Ta'zim. Pembungaan seperti ini telah membantu JPNJ mengeluarkan lebih banyak anak-anak pokok untuk ditanam sempena menyokong Kempen Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Fenomena unik ini jarang berlaku, dan hanya terjadi selang beberapa tahun. Pasukan Pemanjat JPNJ juga telah memperoleh pelbagai biji benih spesies pokok dari beberapa lokasi sekitar Johor seperti di Hutan Simpan Panti, Hutan Simpan Lenggor, Hutan Simpan Mersing dan Hutan Simpan Labis. Aktiviti perolehan biji benih ini telah dijalankan bermula dari bulan Ogos 2021.

Hasil dari perolehan di lapangan, semua biji benih akan dikira dan dibahagikan kepada beberapa tapak semaihan JPNJ, dan dianggarkan secara keseluruhannya tapak-tapak semaihan ini dapat menampung sehingga 272,100 anak pokok. Beberapa kaedah telah dipraktikkan oleh kumpulan pemanjat ini seperti menggunakan galah bagi pokok rendah, kutipan atas lantai hutan, melastik tali pada dahan pokok yang tinggi, goncangan dahan menggunakan tali serta kaedah memanjat yang dilakukan oleh pasukan terlatih. Kesemua lokasi pengutipan biji benih dikenalpasti melalui pemantauan berkala oleh renjer dan juga pengawas hutan jabatan yang bertugas di lapangan. Rekod-rekod lokasi pokok yang menghasilkan biji benih juga telah diambil bagi tujuan pengenalpastian pokok ibu yang menghasilkan biji benih yang berkualiti.



Pasukan Pemanjat JPNJ sedang membuat persiapan sebelum memulakan aktiviti perolehan biji benih



Rakaman foto dengan menggunakan drone



Biji benih yang diperoleh telah dibahagi mengikut spesies dan sedia untuk dihantar ke tapak semaihan

PROGRAM KEMEN KESEDARAN BERSAMA KOMUNITI DI JAJAHAN BACHOK

Disediakan oleh: Melati binti Yusof
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

BACHOK, 19 OGOS 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah menganjurkan satu Program Kempen Kesedaran Bersama Komuniti di Kampung Tanjung Pauh dan Kampung Beris Kubor Besar pada 19 Ogos 2021. Program ini hanya melibatkan 15 orang jemputan terdiri daripada Pegawai JPNK dan Penghulu Kampung.

Program dibawah Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat kampung mengenai kepentingan restorasi hutan. Program ini menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot (Penganjuran Aktiviti CEPA).

JPNK telah mengagihkan anak pokok buah-buahan kepada Penghulu Kampung Tanjung Pauh dan Kampung Beris Kubor Besar. Jabatan berharap agar anak pokok yang telah diagihkan ditanam dengan baik untuk memberi manfaat kepada kita bersama selaras dengan tema 'Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita'.



Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan bersama Penghulu Kampung, Pegawai Perhutanan JPNK dan wakil penduduk



Upacara penanaman pokok oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan



Penyerahan anak pokok oleh Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan kepada Penghulu Kampung Tanjung Pauh

OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN SECARA BERSEPADU BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN BERKAITAN DI HUTAN SIMPAN TEMPLER, DAERAH PENTADBIRAN HUTAN HULU SELANGOR (OPS TEMPLER)

GOMBAK, 24 OGOS 2021

Disediakan oleh: Mohd Azli bin Mohd Zaini
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah melaksanakan satu Operasi Penguatuasaan Hutan Secara Bersepadu Bersama Agensi Penguatuasaan Berkaitan di Hutan Simpan Templer (OPS Templer) pada 24 Ogos 2021. Seramai 80 anggota terlibat daripada pelbagai agensi penguatuasa berkaitan terdiri daripada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Selangor, Jabatan Kerja Raya dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Sebanyak dua (2) unit rumah, empat (4) unit pondok, dua (2) unit rumah kongsi/benih ikan, satu (1) unit kandang kambing, sembilan (9) buah kolam ikan, satu (1) unit kontena, dua (2) unit tandas dan dua (2) unit bengkel telah dimusnahkan dengan anggaran keluasan lebih kurang 2.4 hektar.

Selain itu juga, bagi menghalang akses masuk penceroboh ke dalam Hutan Simpan Templer, pasukan operasi telah membina parit gajah dengan kedalaman enam (6) kaki dan kelebaran empat (4) kaki bagi setiap pintu masuk ketiga-tiga zon tersebut.



Operasi memusnahkan struktur binaan dengan menggunakan jentera dan anggota di dalam Hutan Simpan Templer



Sesi faklmat OPS Templer disampaikan oleh
Encik Mohd Shahril bin Abd Rashid,
Ketua Pasukan Operasi

PERTANDINGAN VIDEO KREATIF TIKTOK MERDEKA ANJURAN PUSPANITA JPSM

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 29 OGOS 2021

Satu Pertandingan Video Kreatif Tiktok Merdeka anjuran PUSPANITA JPSM telah diadakan bagi menyerlahkan kreativiti ahli PUSPANITA JPSM dalam mencipta video kreatif disamping menyemarakkan semangat kemerdekaan dikalangan ahli. Penyertaan bagi pertandingan ini terbuka kepada semua ahli PUSPANITA IPJPSM dimana video tiktok tersebut perlu bertemakan "Malaysia Prihatin" dan berunsurkan elemen yang menggambarkan PUSPANITA (pakaian tema warna ungu atau tshirt PUSPANITA JPSM). Antara syarat-syarat pertandingan adalah semua peserta perlu memuat turun video tiktok tersebut didalam halaman Facebook masing-masing dengan *hashtag* #PUSPANITAJPSM #MalaysiaPrihatin sebelum 5 September 2021. Pemenang tempat pertama bagi Pertandingan Video Kreatif Tiktok Merdeka adalah Azura binti Marzuki Tempat Kedua telah dimenangi oleh Aimie Aiza binti Mohd Tusin dan tempat ketiga dimenangi oleh peserta berkumpulan yang dianggotai oleh Musyirah binti Ismail, Najihah binti Aderis @ Idris, Siti Aisah binti Dahlan dan Azura binti Marzuki.



Poster Pertandingan Video Kreatif Tiktok Merdeka

WEBINAR PROGRAM KHEMAH KERJA MEMPERKASAKAN PENGECAMAN FLORA DAN TUMBUHAN HUTAN

IPOH, 29 OGOS 2021

Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) merupakan inisiatif YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak bersama YBhg. Datuk Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Program ini dirangka dengan tujuan bagi meningkatkan tahap pengetahuan pegawai Gred G19 hingga G36 dalam pengecaman pokok dan daun. Kemahiran di dalam pengecaman pokok dan daun ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan integriti, keupayaan serta kompetensi semasa bertugas di lapangan selain mempelbagaikan kemahiran (multiple skill) dan nilai tambah (value added) dalam pembinaan kendiri (self-capacity building).

Pelaksanaan Program Khemah Kerja ini melibatkan tiga (3) Fasa di mana Fasa I adalah Webinar Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan JPNP yang telah berlangsung pada 27 hingga 29 Ogos 2021 diterajui oleh penceramah yang hebat dan berpengalaman dalam bidang perhutanan dan botani iaitu YBhg. Datuk Jeffri bin Haji Abd Rasid (Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan Semenanjung Malaysia), Tuan Haji Ramli bin Mat, Timbalan Pengarah (Operasi), JPNP, Prof. Madya Dr. Mohd Nazre bin Salleh (Pensyarah, Universiti Putra Malaysia), Dr. Shamsul bin Khamis (Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia), dan Encik Rasli bin Che Hanafi (Penolong Pensyarah, Bahagian Latihan Perhutanan Semenanjung Malaysia).

Webinar Program Khemah Kerja ini diserikan lagi dengan perasmian oleh YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi & Teknikal) JPSM] serta penampilan khas Bicara Pagi oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop (Pengarah Perhutanan Negeri Perak) dan Puan Siti Dessima binti Isnani, Timbalan Pengarah (Pembangunan), JPNP. Webinar telah dilaksanakan dengan jayanya dan disertai oleh seramai 250 orang peserta.

Disediakan oleh: Tinarossima binti Rosdi
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Bicara Pagi oleh
Pengarah Perhutanan Negeri Perak



Pembentangan oleh
Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan
Semenanjung Malaysia



Pembentangan oleh Pensyarah UPM

PROGRAM VIRTUAL PENANAMAN POKOK ANJURAN PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

GERIK, 1-16 SEPTEMBER 2021

Program Penanaman Pokok secara *virtual* anjuran Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) diadakan sebagai tanda komitmen berterusan Jabatan yang sentiasa menyokong Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok semenjak ianya dilancarkan.

Banyak program yang dirancang untuk dilaksanakan tetapi atas faktor kawalan pergerakan dan kesan penularan pandemik wabak COVID-19 yang masih tidak menentu. Satu inisiatif penanaman secara *virtual* telah dilancarkan dari 1-16 September 2021 yang secara umumnya mengajak sesiapa yang berminat untuk turut serta menjayakan program ini. Ditambah pula program yang dijalankan dalam tempoh Sambutan Hari Kebangsaan Ke-64 dan Hari Malaysia ini juga dapat menyemarakkan kecintaan terhadap negara dalam konsep penghijauan Malaysia melalui aktiviti penanaman pokok ini.

Pelbagai usaha dibuat seperti hebahan dalam media sosial (Facebook, IG, Telegram, WhatsApp dan sebagainya) telah dibuat agar ianya diketahui umum dan boleh segera sertainya. Program ini telah mendapat sokongan dan penyertaan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Temenggor dan rakan-rakan artis juga telah diterima dan bersama-sama menjayakannya juga.



Program virtual penanaman pokok



Penanaman pokok oleh ADUN Temenggor

OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Noor Syuhada binti Abdul Samad
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

JELEBU, 5-10 SEPTEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) telah berjaya menjalankan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan di Kompartmen 11, 27 dan 28 Hutan Simpan Kenaboi, Jelebu pada 5 hingga 10 September 2021. Keluasan kawasan operasi tersebut dianggarkan seluas 40 hektar. Objektif operasi ini adalah untuk membanteras pencerobohan haram di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Kawasan ini telah diceroboh dengan tanaman pokok kelapa sawit yang sudah mula mengeluarkan hasil (buah), pokok getah yang sudah mula ditoreh, pokok durian yang sudah mula berbunga dan sedikit tanaman lain seperti pokok kelapa dan petai. Modus Operandi Operasi ialah melibatkan pemusnahan tanaman yang dibahagikan kepada empat (4) blok (zon) dengan menggunakan jentera dan chain-saw. Operasi ini dijalankan selama lima (5) hari dan melibatkan kekuatan anggota seramai hampir 80 orang yang terdiri daripada kakitangan JPNS, kakitangan Pejabat Hutan Negeri Sembilan Utara serta bantuan kawalan keselamatan dari anggota Polis, Ibu Pejabat Polis Daerah Jelebu.

Selepas operasi pemusnahan dijalankan, kawasan tersebut telah ditanam dengan anak pokok dari spesies Meranti, Merbau dan Merawan Siput Jantan. Sehingga hari terakhir operasi sebanyak 2,800 anak pokok telah berjaya ditanam. Aktiviti menanam pokok di keseluruhan kawasan ini akan diteruskan sehingga keseluruhan kawasan ditanam sepenuhnya. Kawasan ini akan terus dipulihkan dengan anggaran bilangan anak pokok yang akan ditanam ialah sebanyak 25,000 anak pokok. JPNS akan terus komited membanteras pencerobohan haram di HSK di kawasan tersebut dari semasa ke semasa dengan membuat rondaan dan pemantauan secara berterusan.



Gambar sebelum operasi dijalankan



Gambar selepas operasi dijalankan

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

SIRI 1 TAHUN 2021

BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN

Disediakan oleh : Nor Fazlina binti Mohamad Nor
Bahagian Latihan Perhutanan

KEPONG, 7 SEPTEMBER 2021

Pada 7 hingga 30 September 2021 telah berlangsung Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Peperiksaan ini melibatkan lima (5) skim perkhidmatan iaitu Skim Perkhidmatan Pemelihara Hutan Gred G41, Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan/ Renjer Hutan Gred G29, Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19, Skim Perkhidmatan Pengawai Ehwal Ekonomi Hutan Gred E41 dan Skim Perkhidmatan Pembantu Penyelidik Gred Q19.

Buat pertama kalinya peperiksaan ini diadakan secara atas talian akibat penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini. Selaras dengan *Standard Operation Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Bahagian Latihan Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mengambil langkah untuk mengadakan peperiksaan ini secara atas talian bagi mengelakkan perhimpunan secara beramai-ramai dan secara fizikal sekaligus bagi mengelakkan penularan COVID-19.

Seramai 200 orang calon telah mendaftar bagi menduduki peperiksaan perkhidmatan siri 1 tahun 2021. Di mana seramai 16 orang calon terdiri daripada pegawai skim Perkhidmatan Pemelihara Hutan Gred G41, 50 orang pegawai daripada Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, 150 orang calon daripada Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19, seorang pegawai daripada Skim Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41 dan juga seorang calon daripada Skim Perkhidmatan Pembantu.

Peperiksaan yang dijalankan terdiri daripada kategori teori dan amali (pengecaman). Bahagian teori terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran hutan serta undang-undang perhutanan. Bagi bahagian amali adalah pengecaman daun, pokok dan isi kayu bagi pemelihara hutan dan pengiraan penilaian sumber ekonomi hutan bagi pegawai ehwal ekonomi serta mensurasi dan pengukuran hutan bagi pembantu penyelidik.

Semasa peperiksaan secara atas talian dijalankan sistem *autoproctor* digunakan bagi pengawasan semasa peperiksaan berlangsung. Sistem ini akan memantau calon bagi mengelakkan sebarang peniruan berlaku semasa peperiksaan berlangsung. Penggunaan sistem dapat membantu pihak urus setia dalam mengawas calon-calon semasa peperiksaan. Semua taklimat berkaitan perjalanan peperiksaan juga diadakan secara atas talian menggunakan platform *zoom meeting*.



Contoh soalan Peperiksaan Perkhidmatan yang dijalankan secara atas talian

Suasana semasa peperiksaan sedang berlangsung

PROGRAM VIRTUAL RUN SEMPENA HARI MALAYSIA 2021 ANJURAN PUSPANITA JPSM

Disediakan oleh: Fazihana binti Wahid
PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 18 SEPTEMBER 2021

Program Virtual Run Sempena Hari Malaysia 2021 anjuran PUSPANITA JPSM telah diadakan bermula 18 September 2021 hingga 3 Oktober 2021. Program ini telah disertai seramai 18 orang ahli yang telah berjaya melengkapkan larian sejauh 5km dalam tempoh yang ditetapkan. Semua peserta diwajibkan untuk menghantar rekod larian terbaik menggunakan aplikasi STRAVA, GARMIN, GOOGLE FIT dan sebagainya yang boleh merekod jarak dan masa larian dan seterusnya menghantar screenshot secara whatsapp kepada pihak urusetia untuk penilaian. Disamping itu, PUSPANITA JPSM juga turut mengadakan Pertandingan Foto Larian Kreatif yang berunsurkan Hari Malaysia bagi memeriahkan sambutan tersebut. Pemenang tempat pertama bagi Virtual Run adalah Suhana binti Bidin (36:39) diikuti oleh Noorazila binti Yatim (37:34) dan Choong Huey Jin (37:36). Manakala lima pemenang bagi Pertandingan Foto Larian Kreatif adalah Aimie Aiza binti Mohd Tusin, Suzana binti Mohamad Kabid, Azura binti Marzuki, Fazihana binti Abd Wahid dan Noorazila binti Yatim. Kesemua pemenang telah menerima hadiah berupa wang tunai dan cenderahati. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



Lima pemenang utama bagi Pertandingan Foto Larian Kreatif anjuran PUSPANITA JPSM

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK, NILAI

Disediakan oleh: Nuazri bin Sedik
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

NILAI, 23 SEPTEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) telah berjaya melaksanakan Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Bersama Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Teknik, Nilai pada 23 September 2021 bertempat di Kampus IPG, Nilai, Negeri Sembilan. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran kakitangan IPG, Nilai mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk meningkatkan kualiti hidup serta menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara. Selain itu, program penanaman pokok ini juga membantu IPG, Nilai dalam menghijaukan kawasan kampus.

Seramai 30 orang peserta telah terlibat dalam menjayakan program ini yang terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa Teknologi Hijau dan Kelestarian, IPG, pegawai dan kakitangan Unit Agro, IPG, Nilai serta kakitangan JPNS. Program ini telah berjaya menanam sebanyak 100 pokok yang terdiri daripada spesies Merawan Siput Jantan, Tekoma dan Penaga Lilin yang merupakan spesies yang bersesuaian ditanam di kawasan landskap IPG, Nilai.



Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bersama
Institut Pendidikan Guru (IPG), Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan

WEBINAR PENGURUSAN EKOSISTEM HUTAN DAN KONSERVASI DI NEGERI PERAK ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Safiah Aimi binti Md Isa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 23 SEPTEMBER 2021

Satu Webinar Pengurusan Ekosistem Hutan dan Konservasi di Negeri Perak telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) menggunakan aplikasi *zoom meeting* yang mana penyertaannya adalah terbuka kepada umum. Webinar ini telah disertai oleh seramai 286 orang peserta yang mana setiap penyertaan akan diberikan sijil penghargaan oleh pihak JPNP. Webinar ini dianjurkan secara atas talian bagi memberi perkongsian secara tepat dan berkesan mengenai usaha serta inisiatif Kerajaan Negeri Perak dalam menggalakkan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem di Negeri Perak. Webinar ini telah mengetengahkan tiga (3) topik utama dan disampaikan oleh tiga (3) orang panelis yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing iaitu:

1. Pengurusan Hutan dan Inisiatif Konservasi Biodiversiti di Negeri Perak oleh Encik Nor Lokman bin Muhamad Nor @ Fakru, Ketua Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan Hutan), JPNP;
2. Kerjasama Kolaboratif untuk Perlindungan Ekosistem Berdasarkan Pengalaman Taman Negeri Royal Belum oleh Encik Mohamed Shah Redza bin Hussein, Pengarah Perbadanan Taman Negeri Perak; dan
3. Pengurusan Burung Enggang di Negeri Perak oleh Encik Yeap Chin Aik, Malaysian Nature Society (MNS).

Webinar ini juga turut dihadiri oleh Dato' Dr. Abdul Latiff bin Mohamad, Professor Emeritus, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia selaku penyampai ucaptama dan Tuan Haji Ramli bin Mat, Timbalan Pengarah (Operasi), JPNP selaku moderator Webinar.

YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri Perak telah merumuskan hasil pembentangan kertas kerja melalui ucapan penutupnya berkaitan keyakinan beliau terhadap pengurusan hutan yang holistik serta usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan secara mampan adalah penting bagi menjamin fungsi, peranan serta manfaat hutan yang berterusan dapat dinikmati di masa hadapan.



Barisan Penyampai Ucaptama, Moderator dan Panelis



Ucapan penutup yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri Perak



Barisan urusetia yang terlibat sepanjang Pengajian Webinar Pengurusan Ekosistem Hutan dan Konservasi di Negeri Perak Anjuran JPNP

OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN SECARA BERSEPADU BERSAMA AGENSI PENGUATKUASAAN BERKAITAN DI HUTAN SIMPAN BUKIT LAGONG, DAERAH PENTADBIRAN HUTAN SELANGOR TENGAH (OPS LAGONG)

Disediakan oleh: Al-Aizzad bin Amir
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

GOMBAK, 28-29 SEPTEMBER 2021


Satu Operasi Penguatkuasaan Hutan Secara Bersepadu Bersama Agensi Penguatkuasaan Berkaitan telah diadakan pada 28 dan 29 September 2021 di sebahagian kompartment 4 dan 19, Hutan Simpan Bukit Lagong, Daerah Pentadbiran Hutan Selangor Tengah (OPS Lagong). OPS Lagong ini melibatkan lima (5) agensi penguatkuasaan berkaitan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang, Tenaga Nasional Berhad dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Sebanyak 23 buah struktur binaan telah dimusnahkan dengan anggaran keluasan yang telah diteroka seluas lebih kurang lapan (8) hektar. Selain itu juga, OPS Lagong ini turut memusnahkan tanaman pokok buah-buahan seperti durian, nangka, rambutan, manggis dan kolam ternakan ikan.

Secara keseluruhannya, OPS Lagong ini berjalan dengan lancar dengan bantuan agensi penguatkuasaan berkaitan.



Sesi taklimat OPS Lagong disampaikan oleh Encik Mohd Shahril bin Abd Rashid, Ketua Pasukan Operasi



Operasi memusnahkan struktur binaan dengan menggunakan jentera dan anggota di dalam Hutan Simpan Bukit Lagong

SESI TAKLIMAT TAPAK BAGI KERJA-KERJA UJIAN BAHAN DAN *SOIL INVESTIGATION* BAGI PROJEK MENAIK TARAF KEMUDAHAN LIF OKU DI BLOK CHENGAL

Disediakan oleh: Mohammad Ilman bin Mahamad Amir
Bahagian Teknikal dan Industri Kayu

KUALA LUMPUR, 29 SEPTEMBER 2021

Satu sesi taklimat tapak telah diadakan oleh Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kerja-kerja ujian bahan dan *soil investigation* bagi projek menaik taraf kemudahan lif Orang Kurang Upaya (OKU) di Blok Chengal pada 29 September 2021 bertempat di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Cawangan Kejuruteraan dan Struktur, dan Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia juga turut serta dalam sesi taklimat tapak ini bagi menyampaikan taklimat teknikal kepada pegawai-pegawai dari IPJPSM dan kontraktor-kontraktor yang akan mengeluarkan sebut harga mengenai skop-skop yang terlibat dalam kerja-kerja ujian bahan dan *soil investigation* tersebut.

- Pegawai-pegawai dari IPJPSM bersama pihak kontraktor juga turut dibawa ke lokasi sebenar tapak projek iaitu di ruang parkir Blok Chengal bagi penerangan lanjut mengenai skop-skop yang terlibat dalam kerja-kerja yang bakal dilaksanakan sebelum sesi taklimat selesai.



Sesi taklimat teknikal daripada JKR WP kepada pegawai-pegawai IPJPSM dan pihak kontraktor



Sesi lawatan tapak oleh JKR WP bersama pegawai-pegawai IPJPSM dan pihak kontraktor

PEMANTAUAN UDARA DI SEKITAR KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Maziah binti Mahtar
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 5 OKTOBER 2021

Pemantauan udara di sekitar kawasan Hutan Simpanan Kekal Daerah Terengganu Selatan yang diketuai oleh YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Tuan Haji Roslan bin Rani, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu. Pemantauan penguatkuasaan melalui tinjaun udara adalah kaedah paling berkesan dan dapat melihat imej sebenar kawasan yang diceroboh. Kaedah ini diharapkan mampu membendung kegiatan pencerobohan hutan dilakukan di dalam aktiviti perladangan, pembalakan dan perlombongan. Kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) melalui kaedah penguatkuasaan udara mampu memberi banyak kejayaan dalam membanteras aktiviti pencerobohan dalam Hutan Simpanan Kekal. Pemantauan udara yang dilaksanakan ini juga turut disertai oleh pegawai Bahagian Pengurusan Maklumat, JPSM dan pegawai JPNT.



Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Dan Teknikal),
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama
Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu serta Timbalan
Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



Pemandangan daripada udara di sekitar
kawasan Hutan Simpanan Kekal Daerah
Terengganu Selatan semasa pemantauan
udara

GERAK KERJA PASUKAN PETUGAS FORESTRY LEADERSHIP AND ASSESSMENT PROGRAMME (FOR-LEAD)

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Latihan Perhutanan

PORT DICKSON, 7 OKTOBER 2021

Pasukan Petugas Khas *Forestry Leadership and Assessment Programme* Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (PPKFL) telah dibentuk pada 24 Februari 2021 di mana pasukan ini berperanan untuk mengkaji, menggubal dan mencadangkan modul kursus yang bersesuaian dengan kerjaya perhutanan bagi melahirkan seorang pegawai perhutanan yang berkepimpinan tinggi, berketrampilan serta berdaya saing di peringkat nasional mahupun global.

Terdapat beberapa siri perbincangan, mesyuarat dan bengkel yang melibatkan penyertaan dalaman mahupun penglibatan agensi lain yang berkaitan telah dilaksanakan pada tahun 2021 bagi tujuan membangunkan *Forestry Leadership and Assessment Programme (FOR-LEAD)* untuk digunakan dalam Skim Perkhidmatan Pemelihara Hutan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Penutup aktiviti gerak kerja pembangunan *FOR-LEAD* bagi tahun 2021 adalah di PD Forest Sg. Menyala Port Dickson, Negeri Sembilan pada 7 Oktober yang lalu. Perjumpaan pada sesi ini melibatkan aktiviti pemurnian Kertas Pertimbangan Status Pembangunan *Framework of Forestry Leadership and Assessment Programme (FoFLA)* untuk dibentangkan di Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia (PPNSM) ke-41 pada 15 - 20 Oktober 2021, di Pulau Langkawi, Kedah.

Kerjasama awal dan komitmen yang baik di kalangan kumpulan kerja, kumpulan panel, barisan urus setia serta bantuan daripada Jabatan Perhutanan Negeri selaku tuan rumah telah membantu gerak kerja pembangunan *FOR-LEAD*. Perkongsian idea dan maklumat dalam menambahbaik pembangunan *FOR-LEAD* pada setiap sesi bengkel dan perbincangan telah memberi tambah nilai ke atas penghasilan satu rangka kerja yang bersesuaian untuk digunakan bagi Skim Pemelihara Hutan dan diharapkan agar jalinan hubungan baik dan kerjasama erat yang telah terbentuk dapat terus dikekalkan di masa hadapan.



Barisan Panel *FOR-LEAD*



Bengkel Pasukan Petugas Khas *FOR-LEAD*
Bil.2 Tahun 2021


MESYUARAT PENYELARASAN KAJIAN SEMULA PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI (PIRE) CFS JOHOR DAN LAWATAN KE KORIDOR J-SL1: HUTAN SIMPAN PANTI – HUTAN SIMPAN KUALA SEDILI

PANTI, 10 OKTOBER 2021

Satu Mesyuarat Penyelarasan Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi (PIRE) CFS Johor telah dipengerusikan oleh Almarhum Datuk TPr Mohd Faidzal bin Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia di Santuari Gajah Johor (JES) dan turut disertai oleh Dato' Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITANJ) Negeri Johor, Pengarah Bahagian Perancangan Wilayah PLANMalaysia, wakil Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor, wakil Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, wakil Pegawai Daerah Kota Tinggi, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi, Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan dan Pegawai Koordinator Projek IC-CFS Johor.

Tujuan utama mesyuarat penyelarasan ini adalah untuk meneliti semula kawasan koridor ekologi J-SL1: Hutan Simpan Panti - Hutan Simpan Kuala Sedili yang dilihat bahawa rangkaian cadangan ini terlalu besar hingga ke Pantai Sedili Kecil, Pantai Temalah serta meliputi juga kawasan Hutan Simpan Seluyut di bahagian selatan Hutan Simpan Panti. Berikutcadangan ini dikhuatir akan mempengaruhi prestasi Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan pelan tindakan dan inisiatif yang ditetapkan bagi pengurusan dan pemeliharaan rangkaian ekologi, Antara agenda yang turut dijalankan adalah lawatan ke beberapa lokasi sekitar kawasan J-SL1 merangkumi kawasan Sg. Mupor (Batu 19, Jalan Kota Tinggi - Mersing), kawasan Tanah Milik Kampung Mawai Lama, kawasan terosot berhampiran Sungai Gembut Water Treatment Plan, Sungai Sedili *Fishing Place* dan juga kawasan di Hutan Simpan Seluyut. Semua pemerhatian dari lapangan ini akan diambil kira semula bagi tujuan semakan semula serta menambahbaik cadangan kawasan koridor ekologi di Johor.

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Pandangan dari atas Sg. Mupor yang berada dalam kawasan koridor ekologi Johor



Ahli mesyuarat turun ke lapangan untuk melihat sendiri kawasan Hutan Simpan Seluyut



Taklimat berkaitan pergerakan gajah di sekitar kawasan Hutan Simpan Panti dan kawasan Kota Tinggi

PROGRAM BERBASIKAL DAN PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

KOTA BHARU, 10 OKTOBER 2021

Satu program berbasikal dan penghijauan Malaysia bersama YB Datuk Sri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah diadakan di Taman Perbandaran Tengku Anis, Kota Anis, Kelantan pada 10 Oktober 2021.

Pelepasan kayuhan basikal telah dilakukan oleh YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan di Hotel Perdana. Jarak kayuhan dari hotel ke lokasi penanaman pokok adalah sejauh 3.9km dan mengambil masa lebih kurang 40 minit. Kayuhan serta tanaman pokok ini juga disertai oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan beberapa ketua jabatan dan agensi lain iaitu Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu, Ketua Polis Kelantan dan Ketua Jajahan Kota Bharu. Sebanyak 12 pokok telah ditanam di Taman Perbandaran Tengku Anis sempena program tersebut.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi.



Berbasisikal bersama YB Datuk Sri Takiyuddin bin Hassan



Penanaman pokok oleh YB Datuk Sri Takiyuddin bin Hassan



Gambar bersama tetamu kehormat

LAWATAN TEKNIKAL LALUAN PENDAKIAN CBL (CHEMERONG, BEREMBUN DAN LANSIR) DI HUTAN SIMPAN PASIR RAJA SELATAN

Disediakan oleh: Zaida binti Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

DUNGUN, 13-15 OKTOBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu bersama dengan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu dan kontraktor telah mengadakan lawatan teknikal laluan pendakian CBL (Chemerong, Berembun dan Lansir) di Hutan Simpan Pasir Raja Selatan bagi Projek Pembangunan Ekotourism Pelancongan Taman Eko-Rimba Chemerong, Dungun, Terengganu. Tujuan utama lawatan teknikal ini diadakan untuk mengenal pasti dan meninjau kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi laluan pendakian CBL tersebut.



Pemandangan di Lansir



Keadaan laluan pendakian di Sungai Bangan



Peserta lawatan teknikal di puncak
Gunung Berembun

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KALI KE-41 TAHUN 2021

LANGKAWI, 15-19 OKTOBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah terpilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Kali Ke-41 Tahun 2021. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Hotel Adya, Langkawi. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM), YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang dan turut dihadiri oleh ahli mesyuarat iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal), Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Ketua Unit.

Pada 15 Oktober 2021, ke semua ahli mesyuarat telah membuat pendaftaran kehadiran di Lobi Hotel Adya, Langkawi. Pada hari kedua mesyuarat iaitu 16 Oktober 2021, YBhg Dato' KPPSM dan kesemua ahli mesyuarat telah dijemput untuk perasmian Pejabat Hutan Daerah Langkawi. Semasa perasmian tersebut turut diselitkan juga gimik sempena Sambutan 120 tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Setelah itu, kesemua ahli mesyuarat dijemput untuk acara menanam pokok di sekitar Pejabat Hutan Daerah sebagai simbolik kepada Program Tanaman Pokok 100 Juta Pokok.



Sesi perjumpaan YB Datuk Seri Menteri Tenaga dan Sumber Asli bersama Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Perasmian bagi Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Kali Ke-41 Tahun 2021 pada 17 Oktober 2021 telah disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Kedah, YAB Datuk Seri Muhammad Sanusi bin Md Nor yang juga turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB. Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli dan Ketua Setiausaha Tenaga dan Sumber Asli iaitu YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh serta Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian serta Ketua-ketua Jabatan di Daerah Langkawi iaitu, Pegawai Daerah Langkawi, Ketua Polis Daerah Langkawi, Yang Di Pertua MPLBP dan Ketua Pegawai Eksekutif LADA.

Pada hari terakhir mesyuarat tersebut iaitu pada 19 Oktober 2021, kesemua ahli mesyuarat telah dibawa menaiki bot menyusuri sungai bagi melawat kawasan Kilim Karst Geoforest Park untuk melihat keindahan dirian pokok dan hidupan yang terdapat di Hutan Paya Bakau di Daerah Langkawi yang juga merupakan salah satu kawasan tarikan pelancong di dalam kawasan hutan simpanan kekal.



Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok sempena Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Kali Ke-41 Tahun 2021

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-41 TAHUN 2021

LANGKAWI, 15 OKTOBER 2021

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Peringkat Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Ke-41 Tahun 2021 yang diadakan di Langkawi, Kedah bermula pada 15 hingga 20 Oktober 2021. Objektif program ini adalah untuk menjadi satu platform bagi mengerakkan hubungan silaturahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman di antara PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama-sama dengan PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) melalui pelbagai aktiviti yang telah disusun.

Seramai 32 orang ahli PUSPANITA termasuk anak-anak Pengerusi PUSPANITA JPN telah menyertai program ini. Pada hari pertama, semua peserta telah menghadiri Perasmian Pejabat Hutan Daerah Langkawi dan aktiviti penanaman pokok telah dijalankan di sekitar pejabat tersebut. Pada sebelah petang, semua ahli PUSPANITA telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik di Pekan Kuah antaranya seperti Dataran Lang, Kilang Minyak Gamat dan Kedai Kain Batik serta pertandingan Bowling. Pada hari kedua, aktiviti diteruskan dengan lawatan ke Langkawi *SkyCab* dan diikuti dengan Majlis Perasmian PPNSM Ke-41 pada sebelah malam. Pada hari berikutnya, Mesyuarat PUSPANITA JPSM telah dijalankan bagi membincangkan aktiviti dan perkembangan terkini PUSPANITA di setiap negeri. Selesai makan tengah hari, beberapa orang wakil PUSPANITA telah melawat ke Rumah Nur Kasih bagi Program Bersama Anak-anak Yatim. Pada hari terakhir, semua peserta telah dibawa menaiki bot untuk aktiviti Langkawi *Sightseeing / Island Hoping* di beberapa buah pulau seperti Pulau Dayang Bunting, Pulau Singa Besar dan Pulau Beras Basah.



Aktiviti lawatan ke kilang minyak gamat



Aktiviti lawatan kebajikan ke Rumah Nur Kasih
bagi Program Bersama Anak-anak Yatim



Mesyuarat PUSPANITA JPSM

PERASMIAN PEJABAT HUTAN DAERAH LANGKAWI

Disediakan oleh: Fatin Afiqah binti Roslan
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

LANGKAWI, 16 OKTOBER 2021

Majlis Perasmian Pejabat Hutan Daerah Langkawi telah diadakan sempena Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke-41 di Pejabat Hutan Daerah Langkawi, Kuah, Langkawi. Pejabat ini pada asalnya merupakan Pejabat Renj Hutan dan telah dinaiktaraf sebagai Pejabat Hutan Daerah Langkawi. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang dan dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah seramai lebih kurang 100 orang.

Selain itu terdapat juga gimik perasmian iaitu acara memotong kek sempena Sambutan 120 Tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Selepas perasmian Pejabat Hutan Daerah Langkawi, terdapat juga Program Penanaman 100 Juta Pokok di sekitar Pejabat Hutan Daerah Langkawi yang terdiri daripada pokok-pokok nadir. Sebanyak 20 pokok telah ditanam sekitar Pejabat Hutan Daerah Langkawi.



YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia merasmikan Pejabat Hutan Daerah Langkawi



Acara memotong kek sempena Sambutan 120 Tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KEMASUKAN PELATIH KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (KSPRH) SESI 2021-2022 DAN KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (KSPPH) SESI 2021

KEPONG, 21 OKTOBER 2021

Sesi kemasukan pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) sesi 2021-2022 dan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (KSPPH) sesi 2021 ke Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan telah diadakan pada 21 Oktober 2021.

Kemasukan pelatih KSPRH dan KSPPH ke FORTRAIN adalah merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 31 Januari 2021 berkaitan dengan Kemasukan Semula Pelajar ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021, membenarkan pelajar berkeperluan kembali ke kampus secara fizikal bermula 1 Mac 2021 bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid iaitu secara fizikal dan secara dalam talian.

Selaras dengan itu, FORTRAIN prihatin dan menyedari kepentingan dalam memastikan keperluan program pengajian pelatih berjalan dengan sempurna walaupun berhadapan dengan cabaran wabak pandemik COVID-19. Seramai 113 pelatih telah hadir melaporkan diri bagi menjalani Kursus Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2021-2022 dan Kursus Perhutanan Renjer Hutan sesi 2021-2022. Semua pelatih yang melapor diri pada hari tersebut telah diberikan taklimat berkaitan Peraturan-peraturan FORTRAIN serta *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan JPSM.

Proses pelaksanaan kemasukan pelatih ke FORTRAIN telah dilaksanakan dengan teratur dan selamat sebagaimana prosedur yang telah ditetapkan seiring dengan arahan semasa Kerajaan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19. Bahagian Latihan Perhutanan mengucapkan selamat datang dan selamat menjalani kuliah kepada semua pelatih FORTRAIN.

Disediakan oleh: Sharifah Amira binti Salim
Bahagian Latihan Perhutanan



Proses saringan sebelum masuk ke Dewan Alwy



Sesi penghantaran borang-borang butiran diri kepada pihak urus setia



Semua pelatih yang hadir diberikan taklimat berkaitan Peraturan-peraturan FORTRAIN serta Prosedur Operasi Standard (SOP)

PROGRAM KHEMAH KERJA MEMPERKASAKAN PENGECAMAN FLORA DAN TUMBUHAN HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2021 FASA II

LENGGONG, 25-29 OKTOBER 2021

Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Fasa II dengan kerjasama Bahagian Latihan Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (BLP, JPSM), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia telah diadakan secara serentak di dua (2) lokasi iaitu di Taman Eko-Rimba Ulu Kenas, Daerah Kuala Kangsar dan Taman Eko-Rimba Lata Kekabu, Daerah Hulu Perak pada 25 hingga 29 Oktober 2021. Program khemah kerja Fasa II ini melibatkan seramai 33 orang peserta Gred G19 hingga Gred G32 yang telah memperolehi markah yang tinggi ketika Webinar Program Khemah Kerja Memperkasakan Pengecaman Flora dan Tumbuhan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Fasa I.

Program Khemah Kerja ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan kakitangan Jabatan ini dalam subjek Dendrologi Pengecaman Pokok dan Daun di samping meningkatkan integriti, keupayaan serta kompetensi semasa bertugas di lapangan selain mempelbagaikan kemahiran (multiple skill) dan nilai tambah (value added) dalam pembinaan kendiri (self-capacity building).

Melalui Program ini para peserta didedahkan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di IPTA dan Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) bagi melahirkan para pegawai dan kakitangan yang pakar dalam bidang pengecaman flora dan tumbuhan hutan. Program ini menumpukan pembelajaran secara praktikal di lapangan berkaitan kaedah pengecaman pokok secara saintifik. Para peserta juga didedahkan dengan kaedah penyediaan sampel herbarium yang betul. Pakar-pakar bidang perhutanan dan botani daripada Institut Pangajian Tinggi Awam dan JPSM iaitu Dr Shamsul bin Khamis (UKM), Puan Rosni binti Ludin (UPM), Puan Siti Zurina binti Zakaria (UPM), Puan Veronica Justin (BLP, JPSM), Encik Rasli bin Che Hanafi (BLP, JPSM), Encik Salleh bin Endot dan Encik Zailan bin Mohamed Yusof telah meluangkan masa berkongsi ilmu dengan semua peserta.

Disediakan oleh: Tinarossima binti Rosdi
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Sepanduk Program Khemah Kerja
Memperkasakan Pengecaman Flora dan
Tumbuhan Hutan



Perbincangan dikalangan pengajar dan peserta



Barisan peserta dan urusetia

KURSUS MENYELAMAT DI ARUS DERAS KEPADA KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK

CHENDERIANG, 25-29 OKTOBER 2021

Kursus Menyelamat di Arus Deras kepada kakitangan Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak telah diadakan pada 3 November 2021 bertempat di Taman Eko Rimba Lata Kinjang, Chenderiang, Perak. Kursus ini telah dihadiri seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan dan anggota bomba dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak. Taklimat dan latihan sepanjang kursus ini dikendalikan oleh jurulatih daripada Akademi Bomba dan Penyelamat Bomba Wilayah Utara, Tronoh, Perak. Penganjuran kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan teknik asas menyelamat di arus deras khususnya kepada kakitangan yang bertugas di lapangan.

Peserta kursus telah didedahkan dengan teknik asas ikatan dan simpulan tali seperti *Figure of Eight*, *Figure of Eight Follow Through*, *Clove Hitch*, *Bowline Knot* dan sebagainya. Para peserta juga perlu menjalani latihan *Water Confident* bagi meningkatkan tahap keyakinan diri semasa berada di kawasan arus deras dan berbatu. Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk menjalani latihan amali menyelamat mangsa yang terkandas dalam situasi arus deras di kawasan air terjun. Acara Penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh Encik Sabarodzi bin Haji Nor Ahmad, Penolong Pengarah Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak.



Peserta kursus menjalani latihan amali menyelamat mangsa terkandas di kawasan arus deras

Disediakan oleh: Mis Maizura binti Amat Kaulan
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Peserta kursus menjalani latihan amali berkaitan teknik asas simpulan dan ikatan tali



Peserta kursus menjalani latihan amali *water confident*

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021 – 2025 SEMPENA SAMBUTAN 120 TAHUN JABATAN PERHUTANAN DAN KEMPEN PENGHIJAUAN MALAYSIA PERINGKAT DAERAH NEGERI SEMBILAN UTARA (PHDNSU)

JELEBU, 27 OKTOBER 2021

Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara telah menjayakan satu program sempena Sambutan 120 Tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Kempen Penghijauan Malaysia Peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) pada 27 Oktober 2021 bertempat di Kawasan Terosot di Taman Negeri Kenaboi, Jelebu, Negeri Sembilan. Pelaksanaan kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan kawasan berhutan untuk kesejahteraan hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semulajadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen kerajaan untuk mengekalkan liputan kawasan berhutan di Malaysia.

Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara di bawah JPNS, Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan berusaha merealisasikan pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta pokok di seluruh negara di bawah RMKe-12. Kerajaan Negeri Sembilan mensasarkan penanaman sebanyak 1.5 juta pokok dalam tempoh 5 tahun tersebut yang membabitkan penanaman di kawasan terosot dan kawasan lapang.

Seramai 40 peserta telah terlibat menjayakan program tersebut yang melibatkan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara dan kakitangan Taman Negeri Kenaboi. Sebanyak 120 anak pokok dari spesies Meranti Sarang Punai, Meranti Tembaga dan Meranti Kepong telah ditanam semasa program tersebut.

Disediakan oleh: Ismail Ali bin Kamarudeen
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



Aktiviti menanam pokok sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Daerah Negeri Sembilan Utara

PELANCARAN JAKET KESELAMATAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Aida Haftina binti Abdul Hamid / Noraziah binti Sabudin
Bahagian Kejuruteraan Hutan

KUALA LUMPUR, 27 OKTOBER 2021

Selaras dengan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, satu usaha memperkasakan pemakaian jaket keselamatan telah diadakan bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada 27 Oktober 2021. Pelancaran Jaket Keselamatan JPSM telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Jaket Keselamatan JPSM adalah merupakan satu inisiatif Bahagian Kejuruteraan Hutan (BKH) dalam memperkasakan pemakaian jaket keselamatan yang bertujuan untuk melindungi dan mengurangkan kadar kemalangan di lapangan kerja . Justeru, dapat memupuk kesedaran dan sikap berhati-hati di kalangan pemakai agar matlamat kemalangan sifar di lapangan kerja dapat dicapai dan dapat menyuntik rasa tanggungjawab terhadap pemakaian jaket keselamatan.

Jaket Keselamatan JPSM yang baharu mempunyai logo jabatan dan poket serbaguna, dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih terjamin dan ciri pantulan cahaya yang diiktiraf oleh SIRIM MS 1731:2004 (High Visibility Warning Clothing) serta mempunyai rekabentuk yang ideal agar dapat memberikan keselesaan kepada pemakai dan melindungi serta menjamin keselamatan mereka semasa berada di lapangan kerja.



Majlis Penyerahan Jaket Keselamatan kepada
Dato' Mohd Ridza bin Awang, KPPSM
bersama Pengarah BKH, En Madzri bin Malek



Majlis Pelancaran Jaket Keselamatan
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia (IPJPSM)



Rekabentuk Jaket Keselamatan JPSM

KEMPEN PENGHIJAUAN MALAYSIA PENANAMAN POKOK BAGI PROGRAM SEBARAN AM, PENYEBARAN MAKLUMAT DAN PEMULIHARAAN HUTAN PAYA GAMBUT

MARANG, 28 OKTOBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah mengadakan aktiviti penanaman pokok semasa Program Kesedaran, Sebaran Am dan Pemuliharaan Hutan Paya Gambut dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Terengganu bersempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Terengganu di Kompartmen 4, Hutan Simpan Jambu Bongkok. Program ini melibatkan aktiviti penanaman pokok bersama Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Jambu Bongkok dan penduduk kampung sekitar kawasan berkenaan serta pegawai-pegawai kanan JPNT dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Program bersama penduduk kampung dapat membantu pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat tempatan bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 5 Januari 2021.

Pelaksanaan aktiviti penanaman pokok ini tentunya untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan hutan paya gambut untuk kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat setempat terutamanya penduduk sekitar Kampung Jambu Bongkok. Selain itu, usaha ini juga dapat menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara sekaligus dapat memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia dan menangani fenomena perubahan iklim di peringkat global.

Sebanyak tiga (3) spesies pokok telah ditanam iaitu Balau Pasir, Kelat dan Merawan Siput Jantan. Pemilihan spesies ini adalah bersesuaian dengan ekosistem berpasir dan tanah gambut. Sebanyak 100 anak pokok berjaya ditanam dalam program pada kali ini. Jumlah keseluruhan penanaman pokok di Kompartmen 4, Hutan Simpan Jambu Bongkok ini adalah sebanyak 1600 anak pokok. Sebagai rekod sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 322,018 pokok telah ditanam di seluruh Negeri Terengganu.

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



Pengerusi JPKK Kampung Jambu Bongkok
menanam pokok Kelat



PEGAWAI-PEGAWAI JPNT dan penduduk kampung
yang mengambil bahagian dalam
penanaman pokok

PROGRAM KESEDARAN, SEBARAN AM DAN PEMULIHARAAN HUTAN PAYA GAMBUT DI DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU, 28 OKTOBER 2021

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah menganjurkan Program *Communication, Education, Public Awareness* (CEPA) bertempat di HS Jambu Bongkok, Terengganu. Objektif program ini adalah meningkatkan kefahaman masyarakat setempat terutamanya penduduk kampung Jambu Bongkok tentang kepentingan memelihara dan memulihara hutan paya gambut. Kawasan hutan simpan ini merupakan kawasan di dalam landskap tanah *Beach Ridges Interspersed with Swales (BRIS)* iaitu permatang pasir pantai yang berselang seli dengan tanah paya. Spesies utama bagi tanah berekosistem BRIS ini adalah spesies pokok *Melaleuca cajuputi* (Gelam).

Program ini telah mensasarkan 1,600 anak pokok daripada spesies Merawan Siput Jantan, Balau Pasir dan Kelat dengan penglibatan penyertaan pelbagai agensi, jabatan, komuniti dan pelajar sekolah. Program-program ini merupakan salah satu kaedah komitmen JPSM dalam pelaksanaan program kesedaran awam menerusi aktiviti tanaman pokok, bengkel kesedaran, aktiviti kemasyarakatan dan kerjasama agensi kerajaan dengan badan korporat. Program-program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang dan sekaligus menyokong agenda negara iaitu program penghijauan Malaysia.

Disediakan oleh: Siti Aishah binti Abdul Wahab
Bahagian Pengurusan Hutan



Penanaman Pokok di sekitar program CEPA,
HS Jambu Bongkok, Terengganu



Penyertaan pelbagai agensi dan komuniti di Negeri Terengganu dalam menjayakan Program CEPA di HS Jambu Bongkok

PROGRAM KERJASAMA ANTARA AGENSI DAN KAJIAN RISIKO PENDAKIAN GUNUNG DATUK, REMBAU, NEGERI SEMBILAN

REMBAU, NEGERI SEMBILAN, 29-30 OKTOBER 2021

Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri (BEP) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) telah mengadakan Program Kerjasama Antara Agensi dan Kajian Risiko Pendakian Gunung Datuk, Rembau Negeri Sembilan. Program ini diadakan pada 29 hingga 30 Oktober 2021 bertempat di Kem Bina Negara Ulu Sepri, Rembau. Seramai 21 orang peserta wakil dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) diketuai YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) telah menyertai aktiviti ini. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Menteri Kementerian Tanah dan Sumber Asli (KeTSA), YB Datuk Ali Biju bersama lima (5) orang pegawai kementerian.

Objektif utama penganjuran program ini dianjurkan adalah untuk menjalankan kajian risiko pendakian di lokasi tumpuan orang awam. Di samping itu, dengan penyertaan dari pelbagai agensi, program ini diyakini dapat mengeratkan kerjasama antara jabatan serta dapat mengenalpasti keperluan setiap jabatan dalam menjalankan sesuatu program. Hal ini sekaligus mampu memberikan impak positif terhadap sebarang perancangan program masa depan. Program ini dimulakan dengan sesi pendaftaran peserta, yang mana peserta mula mendaftar pada 29 Oktober. Sesi taklimat keselamatan dan perjalanan program telah disampaikan oleh wakil dari JBPM pada malam 29 Oktober 2021. Penginapan peserta disediakan di Kem Bina Negara Ulu Sepri.

Program diteruskan pada 30 Oktober 2021 dengan semua peserta berkumpul di kaki Gunung Datuk dengan menaiki kenderaan JBPM. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan sebelum pendakian bermula pada jam 9 pagi. Sebanyak 120 anak pokok telah ditanam sepanjang denai pendakian sempena sambutan 120 tahun JPSM.

Disamping penilaian risiko denai pendakian oleh JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan JBPM, penggantian tali keselamatan sepanjang denai pendakian juga telah dilakukan. Semua peserta telah berjaya tiba puncak Gunung Datuk pada jam 12 tengah hari. Segala penat lelah yang dirasakan sepanjang pendakian lenyap selepas melihat pemandangan yang begitu indah di puncak gunung. Program ini diakhiri dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada para peserta.

Disediakan oleh: Mohd Zulkhairi bin Zulkafly
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri



Timbalan Menteri KeTSA, YB Datuk Ali Biju bersama TKP (OT) JPSM menggantikan tali keselamatan di lokasi pendakian



Kumpulan pertama tiba di puncak Gunung Datuk



Bergambar sebelum mulakan pendakian

SESI KONSULTASI BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI KAMPUNG ULU GERUNTUM, GOPENG DAN YB DUN TEJA, KAMPAR

Disediakan oleh: Siti Syafiqah binti Yusof
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

GOPENG, 29 OKTOBER 2021

Pada 29 Oktober 2021 Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung dengan kerjasama YB DUN Teja telah mengadakan sesi konsultasi bersama Ketua Kaum dan Wakil Masyarakat Orang Asli Kampung Ulu Geruntum, Gopeng, Perak. Program ini dianjurkan oleh Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung bersama YB DUN Teja.

Tujuan program ini diadakan adalah ekoran bantahan terhadap kawasan pembalakan di kompatmen 168, Hutan Simpan Bukit Kinta. Pertemuan dua hala ini dibuat adalah bagi mendapatkan persefakanan dan persetujuan terhadap aktiviti pengusahasilan hutan selain akur kehendak masyarakat setempat kepada keperluan pembalakan berimpak rendah (RIL). Selain itu, aktiviti pengusahasilan perlu mengambil kira kepentingan aspek sosial komuniti orang asli dari segi impak alam sekitar.

Sesi konsultasi ini dihadiri oleh 10 orang wakil kaum Orang Asli dan lima (5) orang pegawai serta kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung. Hasil dari perbincangan bersama, kedua-dua pihak akan mengadakan lawatan bersama di lapangan bagi mengenalpasti dengan lebih jelas isu bantahan terhadap aktiviti pembalakan.



Konsultasi bersama Yang Berhormat Sandra (Dun Teja) Kampar
dan Masyarakat Orang Asli

TANAM-ON-THE GO: PROGRAM KOMUNITI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA) DI DALAM DAN SEKITAR CFS-PL2 (A-PL1) HUTAN SIMPAN AMANJAYA, DAERAH HULU PERAK, NEGERI PERAK

HULU PERAK, 3-13 NOVEMBER 2021

Program Tanam-On-The-Go yang merupakan satu program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) melalui penanaman pokok, telah dilancarkan pada 3 November 2021. Program ini dihadiri dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) YBhg. Dato' Mohd Redza bin Awang di Kawasan Rehat dan Rawat Titiwangsa yang terletak dalam Koridor Ekologi CFS A-PL1 Hutan Simpan Amanjaya.

YBhg. Dato' KPPSM juga telah merasmikan dan menanam pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*) di kawasan bersebelahan dengan Kawasan R&R tersebut yang masih merupakan sebahagian daripada Hutan Simpan Amanjaya. Seramai 130 jemputan telah menghadiri majlis pelancaran ini dimana sekurang-kurangnya 150 pokok telah ditanam pada hari tersebut.

Majlis pelancaran tersebut merupakan permulaan bagi program penanaman yang dilaksanakan selama tempoh 10 hari sehingga 13 November 2021 yang bertujuan untuk memperkenalkan kepentingan rangkaian ekologi bagi pemuliharaan dan pemulihan biodiversiti. Koridor ekologi ini merupakan sebuah koridor ekologi utama yang menghubungkan Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Temengor. Program ini juga memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap *Central Forest Spine* (CFS) yang merupakan Rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Aktiviti CEPA ini disasarkan untuk memberikan pendekatan terhadap CFS kepada pemegang-pemegang taruh berkepentingan dalam memastikan koridor ekologi ini dipelihara dan terpelihara. Berdasarkan idea sistem *Touch-N-Go*, program ini menyasarkan untuk menarik pengguna-pengguna jalan raya dan orang yang berhenti berehat di kawasan Kawasan Rehat dan Rawat Titiwangsa bagi meluangkan sedikit masa untuk menjalankan aktiviti menanam pokok dan seterusnya mendapatkan maklumat tentang kepentingan kawasan ini sebagai salah satu koridor ekologi yang penting di bawah CFS. Secara keseluruhannya, sebanyak 650 pokok telah ditanam oleh 236 perserta di kawasan seluas 1.0 hektar.

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Program ini dibiayai oleh *Global Environment Facility* (GEF) dan disokong oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) melalui Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine* (CFS) Landscape dan dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak Bersama dengan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Penanaman pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*) oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PROGRAM TANAMAN POKOK DI TAMAN EKO RIMBA KLEDANG SAIONG SEMPENA MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Murni binti Samsuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 8 NOVEMBER 2021

Program Tanaman Pokok di Taman Eko Rimba (TER) Kledang Saiong Sempena Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di Negeri Perak yang telah berlangsung pada 8 November 2021. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Redza Bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim (TKPDP), Dato' Mohamed Zin bin Yusop (PPN Perak), ahli-ahli mesyuarat MBJ dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP)

Pemilihan lokasi tanaman adalah bersempena lawatan oleh YBhg. Dato' KPPSM dan ahli-ahli mesyuarat MBJ Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) ke Taman *Nepenthes* yang terletak di TER Kledang Saiong. Taman ini menghimpunkan pelbagai spesies *Nepenthes* atau periuk kera yang terdapat di dalam Negara Malaysia dan taman ini juga merupakan satu-satunya Taman *Nepenthes* yang terdapat di negara ini. Sepanjang lawatan tersebut, YBhg. Dato' KPPSM dan ahli-ahli mesyuarat telah diberikan taklimat mengenai taman ini dan seterusnya beliau telah berbesar hati untuk menanam anak pokok Merbau (*Instia palembanica*) di sekitar TER Kledang Saiong bersempena Program Penghijauan Malaysia. Sejumlah 30 anak pokok Merbau telah ditanam di sekitar TER ini dan satu petak tanaman Merbau juga telah diwujudkan sempena program tanaman tersebut.

JPNP sangat berbesar hati menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut dan diharapkan agar JPNP dipilih sekali lagi menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut pada tahun-tahun yang akan datang.



Sesi tanaman pokok oleh YBhg. Dato' KPPSM, YBhg. Dato' TKP (DP) dan YBhg. Dato' PPN Perak



Lawatan ke SPA Ikan di TER Kledang Saiong

LATIHAN ASAS TATACARA PENGGUNAAN, KESELAMATAN DAN PENYELENGGARAAN SENJATA API BAGI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR BIL.1/2021

KUALA SELANGOR, 8 NOVEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengadakan Latihan Asas Tatacara Penggunaan, Keselamatan dan Penyelenggaraan Senjata Api bagi Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor Bil.1/2021 bertempat di Lapang Sasar Polis Diraja Malaysia (PDRM) Jeram, Kuala Selangor.

Tujuan Latihan ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan memberikan kemahiran kakitangan dalam tatacara penggunaan keselamatan dan penyelenggaraan senjata api. Kemahiran mengendalikan senjata api ini adalah menjadi satu kemestian bagi setiap kakitangan JPNS khususnya di bahagian Penguatkuasan bagi memastikan mereka dapat mengawal risiko terhadap diri sendiri atau orang awam di dalam pengendalian dan penggunaan senjata api. Selain itu, ia juga memberi kelebihan kepada mereka untuk bertindak dengan pantas dan tepat dalam situasi kecemasan atau berhadapan dengan individu/kumpulan yang disyaki melakukan kesalahan hutan yang mungkin boleh mendatangkan kecederaan atau mengancam nyawa kakitangan yang terlibat.

Menerusi latihan kali ini, seramai 45 orang pegawai dan kakitangan telah menghadiri sesi latihan pada kali ini.

Tiga (3) orang jurulatih daripada Bahagian Pensenjataan, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor telah memberikan taklimat dan penerangan berkenaan tatacara penggunaan dan penyelenggaraan senjata api serta langkah keselamatan yang perlu dititikberatkan semasa pengendalian senjata api tersebut.

Setiap peserta juga diberikan peluang merasai sendiri cara untuk mengendalikan senjata api dan kesemua lima (5) pucuk pistol dan 10 laras pumpgun. Selain itu juga, terdapat dua (2) acara yang dipertandingkan iaitu Acara Centre Fire (Kategori Individu) dan Acara Falling Plate (Kategori Kumpulan).

Disediakan oleh: Hafizah Dahlia binti Haidzir
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Dengan adanya latihan asas ini, sedikit sebanyak dapat menitikberatkan kefahaman dan kemahiran mengendalikan senjata api di kalangan kakitangan JPNS bagi mengelakkan unsur-unsur kecuaian yang boleh memudaratkan keselamatan pegawai-pegawai JPNS semasa menjalankan tugas penguatkuasaan.



Sesi pengendalian senjata api



Sesi taklimat dan penerangan berkenaan tatacara penggunaan dan penyelenggaraan senjata api

SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) BERKAITAN TEKNIK TEBANGAN BERARAH DAN PENGGUNAAN JENTERA LOG FISHER

Disediakan oleh: Sharifah Amira binti Salim/ Nasrul Akmal bin Amaludin
Bahagian Latihan Perhutanan

KEPONG, 8 NOVEMBER 2021

Pada 8 November 2021, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) telah menjemput dua (2) orang tenaga pengajar membalak iaitu Encik Ahmad Azhar bin Mamat dan Encik Mohd Anuar bin Abd Rahman untuk menyampaikan taklimat berkaitan Teknik Tebangan Berarah serta penggunaan jentera *Log fisher* kepada semua pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH) sesi 2021 - 2023. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) ini telah diadakan di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong.

Teknik Tebangan Berarah serta penggunaan jentera *Log fisher* merupakan salah satu tajuk yang terkandung di dalam subjek *Reduced Impact Logging (RIL)*. Tujuan sesi PdP ini diadakan adalah kerana Pusat Latihan Perhutanan Terengganu (PLPT) mempunyai tenaga pengajar membalak yang terlatih dan berkemahiran dalam bidang tersebut. PdP ini juga dapat membantu pelatih memahami dengan lebih mendalam tentang kemahiran dalam pengendalian mesin gergaji berantai serta mengetahui teknik tebangan berarah dengan cara yang betul dan selamat. Selain itu, para pelatih juga diberi penerangan mengenai keperluan dan kepentingan aspek keselamatan semasa menjalankan kerja-kerja penebangan pokok serta penggunaan jentera *Log fisher* di dalam kawasan pengusahaan.



Para pelatih mendengar taklimat daripada penceramah



Pelatih sedang diberikan penerangan cara-cara pengendalian mesin gergaji berantai oleh Encik Ahmad Azhar bin Mamat



Para pelatih lelaki Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH)



Para pelatih perempuan Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (KSPRH)

KURSUS MEMANJAT POKOK DAN ASAS PENGENDALIAN PERALATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Engku Chik
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

MACHANG, 8-10 NOVEMBER 2021

Satu Kursus Memanjat Pokok dan Asas Pengendalian Peralatan kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah diadakan pada 8-10 November 2021 di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar. Seramai 20 orang peserta daripada JPNK dan Pejabat Hutan Jajahan telah menyertai kursus ini.

Objektif kursus ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan awal kepada para peserta mengenai kaedah pengutipan biji benih melalui teknik memanjat pokok dan seterusnya membentuk Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman JPNK yang baru. Selain itu, tujuan kursus ini diadakan adalah bagi menerangkan kepada peserta teknik-teknik asas memanjat, fungsi dan kegunaan peralatan memanjat serta langkah-langkah keselamatan semasa memanjat.

Jabatan ini telah menjemput pasukan dari Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman, Lentang sebagai pengajar dan fasilitator bagi menjayakan kursus ini.



Bergambar bersama peserta dan tenaga pengajar



Peserta diajar cara ikatan dan menggunakan peralatan memanjat

PROGRAM LAWATAN KERJA YBHG. DATO' KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA KE PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN DI HUTAN SIMPAN GUNUNG BESOUT

GUNUNG BESOUT, 9 NOVEMBER 2021

YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) telah membuat lawatan kerja ke kawasan Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Gunung Besout, Perak. Turut serta dalam program lawatan kerja ini ialah YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan); YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal); Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Satu taklimat berkaitan dengan pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan dan Permit Penggunaan Pembangunan Ladang Hutan telah disampaikan oleh Encik Khairul Na'im bin Ya'akub, Pegawai Hutan Daerah Perak Selatan manakala satu taklimat berkenaan pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan Gunung Besout telah disampaikan oleh Puan Ngu Mooi Yean, Penolong Pengarah Bahagian Ladang Hutan & Inovasi. YBhg. Dato' KPPSM dan para jemputan telah dibawa melawat ke Petak Tanaman Pokok Getah, Batai, *Eucalyptus* dan Kelempayan serta membuat tinjauan secara langsung meliputi sekitar kawasan pembangunan ladang hutan menggunakan *drone* yang diterbangkan. Selesai lawatan di kawasan ladang hutan, semua jemputan telah dibawa melawat ke Makmal Tisu Kultur (Rimba Tissue Culture Sdn. Bhd.) yang tertelak di Sungkai, Perak.

Sebelum mengakhiri program ini, YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan semua jemputan telah dibawa melawat ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai. Satu taklimat mengenai pembangunan dan pengurusan Ladang Hutan telah disampaikan oleh Encik Nik Mohd Zamani bin Awang, Penolong Pegawai Hidupan Liar, NWRC Sungkai. Seterusnya, para jemputan berpeluang melihat hidupan liar yang ditempatkan dan dirawat di pusat menyelamat ini.

Disediakan oleh: Khairul Na'im bin Ya'akub
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



YBhg. Dato Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia membuat tinjauan dan melihat secara langsung pembangunan kawasan Projek Pembangunan Ladang Hutan dalam Hutan Simpan Gunung Besout melalui monitor yang disediakan menggunakan UAV Drone



Penerangan berkaitan Projek Pembangunan Ladang Hutan di petak *Eucalyptus* oleh Penolong Pengarah Ladang Hutan & Inovasi

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA (HHA) DAN PENGISYTIHARAN WILAYAH CENTRAL FOREST SPINE (CFS) PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2021

KUALA KUBU BARU, 11 NOVEMBER 2021

Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Pengisytiharan Wilayah Central Forest Spine (CFS) Peringkat Negeri Selangor Tahun 2021 telah diadakan di Taman Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan telah memberikan satu impak positif dan signifikan ke atas aspek pengurusan hutan dan alam sekitar di negeri Selangor. Seramai 250 orang telah hadir pada majlis kali ini termasuklah YB Hee Loy Sian, EXCO Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli, YB June Leow, Ahli Parlimen Hulu Selangor, YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, barisan Ketua-Ketua Jabatan di peringkat Negeri dan Persekutuan serta komuniti dan badan-badan NGO.

- Majlis sambutan ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor serta lain-lain agensi berkaitan. Keunikan majlis sambutan pada kali ini adalah pengisytiharan Kuala Kubu Bharu sebagai Wilayah Central Forest Spine (CFS) serta pelancaran dokumen Rancangan Pengurusan CFS Negeri Selangor 2020-2029 yang disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

Intipati penganjuran majlis ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan masyarakat ke atas kepentingan perlindungan hutan dan biodiversiti alam sekitar, selari dengan tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini 'Penanaman Hutan: Landasan ke Arah Pemulihan dan Kesejahteraan' atau 'Forest Restoration: A Path to Recovery and Well Being'. Justeru itu, acara sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada kali ini lebih menumpukan kepada usaha restorasi hutan dan penanaman pokok, serta mempromosikan mesej melindungi hutan dan ekosistem semulajadi. Sejumlah 1,000 pokok telah berjaya ditanam pada majlis sambutan kali ini yang terdiri daripada pelbagai spesies pokok dipterokap dan bukan dipterokap.

Disediakan oleh: Azura binti Sueb
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

Simbolik majlis perasmian kali ini adalah pelancaran buku Rancangan Pengurusan CFS Negeri Selangor 2020-2029 yang telah dibawa turun oleh *paraglider* dari puncak Bukit Batu Pahat dengan diiringi oleh maskot CFS Selangor iaitu Harimau Kumbang. Selain itu, penyampaian hadiah pemenang Pertandingan Mencipta Logo CFS Negeri Selangor iaitu Puan Farah Adriana binti Zain telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor sendiri. Barisan tetamu jemputan turut telah bersama-sama menyertai program penanaman pokok di sekitar Taman Tasik Millenium.



Ucapan Perasmian oleh
YAB Dato' Menteri Besar Selangor



Gimik pelancaran perasmian oleh
YAB Dato' Menteri Besar Selangor

LAWATAN ROMBONGAN SESI LIBAT URUS YAB MENTERI BESAR JOHOR BERSAMA KEPIMPINAN DAERAH MERSING SEMPENA BELANJAWAN NEGERI JOHOR TAHUN 2022 DAN MAJLIS PECAH TANAH PENUBUHAN TAMAN EKO RIMBA TELOK ARONG, MERSING

MERSING, JOHOR 13 NOVEMBER 2021

Satu Lawatan Rombongan Sesi Libat Urus oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Haji Hasni bin Mohammad Bersama Kepimpinan Daerah Mersing Sempena Belanjawan Negeri Johor Tahun 2022 bagi menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Penubuhan Taman Eko Rimba (TER) Telok Arong, Mersing telah diadakan pada 13 November 2021. Turut hadir dalam rombongan tersebut Pegawai Daerah Mersing, Tuan Hj Mohd Radzi bin Hj Mohd Amin, YB Hajah Alwiyah binti Talib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Endau dan Ketua-ketua Jabatan Daerah Mersing serta Negeri Johor.

Tujuan lawatan sesi libat urus ini bagi mendapatkan maklumat aktiviti-aktiviti pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 2022 di Daerah Mersing termasuk Taman Eko Rimba Telok Arong ini. Ketibaan YAB Menteri Besar Johor dan rombongan telah disambut oleh YBhg. Dato' Hj. Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor dengan diiringi persembahan oleh anak-anak Kampung Orang Asli dari sekitar Daerah Mersing.

Satu program penanaman pokok telah diadakan sempena program tersebut. Tanaman pokok Rhu di Taman Eko Rimba Teluk Arong mampu menjadi tarikan baharu dalam sektor pelancongan dan terbuka kepada pengunjung tempatan mahupun antarabangsa. Kawasan ini dibangunkan dengan mengambil inspirasi daripada landskap yang terdapat di Pulau Nami, Korea Selatan yang terkenal dalam kalangan pelancong dari seluruh dunia. Aktiviti menanam pokok Rhu di kawasan sekitar Taman Eko Rimba ini adalah bagi memastikan lokasi ini menjadi daya tarikan kepada pengunjung sama seperti yang terdapat di Pulau Nami, Korea Selatan yang terkenal dengan keindahan landskap pokoknya. Konsep yang dicadangkan bagi taman ini ialah khemah kereta (car camping). Pembukaan kawasan ini adalah secara berperingkat-peringkat dan dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun lagi dan sekali gus dapat membangunkan ekonomi setempat.

Disediakan oleh: Mohd Fouzi bin Abdul Hamid
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



YAB Dato' Menteri Besar Johor telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Penubuhan Taman Eko Rimba Telok Arong



YAB Dato' Menteri Besar Johor telah menanam pokok dari spesis Rhu Laut atau *Casuarina equisetifolia*



Acara menanam pokok

MAJLIS PENANAMAN POKOK SEMPENA KEMEN 100 JUTA PELANCARAN LEBUH GENUANG DAN PENYAMPAIAN WATIKAH JALAN ANGKAT

SEGAMAT, 14 NOVEMBER 2021

Majlis Penanaman Pokok Sempena Kempen 100 Juta Pokok 2021-2025, Pelancaran Lebuhs Genuang dan Penyampaian Watikah Jalan Angkat telah diadakan di Taman Rekreasi Awam di Bandar IOI dan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pegawai Daerah Segamat. Turut hadir dalam majlis tersebut YM Ungku Mohd Tahir bin Ungku Mohd Zakaria, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat (MPS), Encik Mohamad Ifratshim bin Mohamad Sa'ed, Pegawai Perhutanan Daerah Segamat, ketua-ketua jabatan daerah, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MPS.

Majlis ini diadakan bagi menyahut seruan kerajaan yang menasarkan kempen penanaman pokok sebanyak 100 juta menjelang tahun 2025. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi di kalangan masyarakat.

Dalam majlis tersebut juga turut diadakan pelancaran Lebuhs Genuang dan juga pelancaran Jalan Angkat oleh Majlis Perbandaran Segamat yang bertujuan untuk mempromosikan laluan masuk utama ke daerah Segamat serta untuk memupuk rasa tanggungjawab dalam bersama-sama menjaga kebersihan daerah Segamat.



Tuan Haji Nasri bin Md Ali, Pegawai Daerah Segamat
melawat ke tapak pameran
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Disediakan oleh: Nazirah binti Aziz
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Dif-dif kehormat yang hadir
Pegawai Daerah Segamat, Yang Dipertua MPS
dan Pegawai Perhutanan Daerah Segamat



Gimik Kempen Penanaman Pokok Sempena
Kempen 100 Juta Pokok 2021-2025 telah
disempurnakan oleh Pegawai Daerah Segamat



Penanaman pokok Bucida variegated

KURSUS INDUKSI LANTIKAN BAHARU SKOP PERHUTANAN, KURSUS PEMANTAPAN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 DAN KURSUS TERAS

Disediakan oleh: Nurazuwah binti Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 14-18 NOVEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengadakan Kursus Induksi Lantikan Baharu Skop Perhutanan, Kursus Pemantapan Akta Perhutanan Negara 1984 Dan Kursus Teras (Dendrologi, Pengecaman Kayu, Mensurasi Hutan dan Ukuran Tanah) anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Johor bertempat di Hotel Anika, Kluang selama lima (5) hari bermula 14-18 November 2021. Tujuan kursus ini diadakan untuk menerangkan dan memberi pendedahan pelbagai maklumat dan informasi mengenai pengurusan Jabatan kepada kakitangan lantikan baharu. Setiap peserta akan didedahkan ke semua bahagian dalam Jabatan iaitu Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pejabat Hutan Daerah. Peserta juga akan didedahkan dengan Akta Perhutanan Negara 1984 serta subjek teras Jabatan iaitu Dendrologi, Pengecaman Kayu, Mensurasi Hutan dan Ukuran Tanah.

Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Turut hadir ke majlis perasmian ini ialah Tuan Haji Zulfakar bin Ali, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi). Kursus ini telah disertai seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 dan Pengawas Hutan Gred G19 lantihan baharu tahun 2021.

Penceramah bagi kursus ini telah disampaikan oleh semua Ketua Seksyen, Ketua Unit dan Pegawai Hutan Daerah. Antara kandungan kursus yang disampaikan ialah pengenalan dan fungsi setiap Bahagian, Seksyen dan Unit di Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Selain itu, kursus ini juga mendedahkan peserta kursus kepada Akta Perhutanan Negara 1984. Kursus ini juga menekankan peserta kepada subjek teras Jabatan iaitu Dendrologi, Pengecaman Kayu, Mensurasi Hutan dan Ukuran Tanah. Secara keseluruhannya, kursus ini telah memberi impak yang positif di kalangan peserta kursus serta meningkatkan kefahaman untuk diperaktikkan dalam tugas harian.



Aktiviti amali, ujian pengecaman daun dan pengecaman biji benih di lapangan



Ujian pengecaman kayu oleh setiap peserta kursus


KURSUS PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM e-GEOSPATIAL PERHUTANAN (e-GP)

Disediakan oleh: Michael bin Maijohn
Bahagian Pengurusan Maklumat

KUALA LUMPUR, 17 NOVEMBER 2021

Seksyen Geoformatik, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah menganjurkan Kursus Penggunaan Aplikasi Sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP) pada 17 dan 18 November 2021 bertempat di Bilik Latihan Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sejumlah 17 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) serta Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengikuti kursus tersebut. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan asas dan latihan secara *hands on* kepada peserta mengenai penggunaan fungsi-fungsi aplikasi yang terdapat di dalam Sistem e-GP.

Peserta telah diberi tunjuk ajar membuat carian maklumat *geospatial*, analisa data, suntingan, muat turun dan cetakan maklumat *geospatial* yang diperlukan dalam Sistem e-GP bagi tujuan pengurusan dan pemantauan hutan. Pengajar bagi kursus ini adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan Seksyen Geoformatik, Bahagian Pengurusan Maklumat. Melalui kursus yang dianjurkan ini, diharap peserta kursus dapat membudayakan penggunaan sistem e-GP dalam pengurusan kerja harian dan secara tidak langsung menjadikan pelaksanaan kerja lebih mudah dan cepat.



Paparan maklumat dalam sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP)

PROGRAM PEMULIHARAAN PAYA BAKAU SEBAGAI HABITAT PEMBIAKAN IKAN ANJURAN BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DAN JABATAN PERIKANAN NEGERI PERAK DI PARIT HJ DOLAH, MANJUNG, PERAK

Disediakan oleh: Murni Binti Samsuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

MANJUNG, 17 NOVEMBER 2021

Pada 17 November 2021 (Rabu) yang lalu Program Pemuliharaan Paya Bakau Sebagai Habitat Pembiacan Ikan Anjuran Bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) dan Jabatan Perikanan Negeri Perak telah diadakan di Parit Hj Dolah, Manjung, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohd Mohtar bin Mahamud, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan) Jabatan Perikanan Malaysia. Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Pengarah Perikanan Negeri Perak, Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Persatuan Nelayan Lekir, Pegawai-pegawai kanan Jabatan Perikanan Negeri Perak dan pegawai-pegawai kanan JPNP.

Program ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dikalangan nelayan dan pegawai-pegawai Jabatan Perikanan Negeri Perak terutamanya dalam kepentingan Hutan Paya Laut sebagai habitat bagi hidupan laut. Selain daripada itu, sesi tanaman anak pokok Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) turut diadakan sebagai tanda bahawa nelayan dan Jabatan Perikanan turut bersama-sama dengan JPNP dalam usaha untuk memelihara dan memulihara kawasan Hutan Paya Laut di negeri ini.

JPNP sangat berbesar hati dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Perikanan Negeri Perak dalam kerjasama yang julung-julung kali diadakan ini dan diharapkan agar kerjasama ini dapat diadakan pada masa akan datang.



Aktiviti tanaman pokok bakau



Sesi pertukaran momento oleh JPNP dan Jabatan Perikanan Negeri Perak

LAWATAN HIS EXCELLENCY DUTA JERMAN BERSAMA DELEGASI WWF KE PUSAT EKO-PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG, KUALA SEPETANG

KUALA SEPETANG, 19 NOVEMBER 2021

Satu lawatan rasmi oleh *His Excellency*, Duta Jerman bersama Delegasi *World Wide Fund (WWF)* telah diadakan di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang yang mana turut dihadiri oleh Puan Siti Dessima binti Isnani, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Encik Khairil bin Sarip, Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang, Puan Safiah Aimi binti Md Isa, Penolong Pengarah Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat, mempelajari serta memahami secara lebih lanjut berkaitan Sistem Pengurusan Hutan Paya Laut di Negeri Perak yang mana telah dinobatkan sebagai '*Best Managed Mangrove Forest in the World*'. Antara pengisian sepanjang lawatan tersebut adalah taklimat dan lawatan ke Tanur Arang Kay Hor Holding Sdn Bhd bagi melihat secara lebih dekat gambaran serta proses kerja yang dilaksanakan dalam industri pembuatan arang. Selain itu, lawatan delegasi ini juga turut disertakan dengan taklimat oleh Pegawai JPNPk serta lawatan di seluruh Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang serta aktiviti penanaman pokok di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang.

JPNPk amat berbesar hati menerima kunjungan daripada *His Excellency* Duta Jerman dan Delegasi WWF dengan harapan agar segala perkongsian informasi sepanjang lawatan ini dapat dimanfaat dan menjadikan Sistem Pengurusan Hutan Paya Laut Matang ini sebagai pengurusan yang menjadi contoh kepada kawasan lain sama ada di dalam atau luar negara.

Disediakan oleh: Safiah Aimi binti Md Isa
Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Sesi taklimat dan lawatan di Tanur Arang Kuala Sepetang



Aktiviti penanaman pokok oleh semua jemputan



Lawatan di sekitar Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

NILAI, 24 NOVEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) telah berjaya melaksanakan Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Bersama Kakitangan dan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai pada 24 November 2021 bertempat di Arboretum USIM, Nilai. Pelaksanaan program ini bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pegawai, kakitangan dan pelajar USIM mengenai kepentingan kawasan berhutan bagi kepentingan dan kesejahteraan hidup seterusnya menyokong pelaksanaan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di peringkat Kebangsaan. Selain itu juga, Jabatan mengharapkan supaya program ini dapat meningkatkan lagi kerjasama erat di antara USIM dan JPNS dalam aktiviti-aktiviti lain seperti kajian biodiversiti, perkongsian teknologi, pameran dan sebagainya.

Seramai 100 orang peserta telah terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF), USIM, Pusat Kelestarian dan Kesejahteraan (C4SS), USIM, Institut Sains Islam (ISI), USIM, pelajar Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS), USIM, pelajar Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), USIM dan kakitangan JPNS.

Sebanyak 200 pokok yang terdiri daripada 12 spesies pokok dari kumpulan Dipterokarp, Bukan Dipterokarp dan pokok nadir telah berjaya ditanam dalam program ini. Antara spesies yang ditanam adalah seperti Chengal (*Neobalanocarpus heimii*), Kapur (*Dryobalanops aromatica*), Meranti Kepong (*Shorea ovalis*), Meranti Bunga (*Shorea teysmanniana*), Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*), Merbau (*Intsia palembanica*), Sepetir Daun Nipis (*Sindora echinocalyx*), Kempas (*Koompassia malaccensis*), Bintangor Laut (*Calophyllum inophyllum*), Mengkulang Jari (*Heritiera javanica*), Kembang Semangkuk Jantung (*Scaphium macropodum*) dan Bacang (*Mangifera foetida*).

Program ini telah berjaya disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Ridza bin Wahiddin, Naib Canselor USIM. Selain itu, turut hadir dalam program ini adalah Ir. Azahar bin Awaluddin, Pengarah JPPF, USIM, Prof. Madya Dr. Mohd Zin bin Kandar, Pengarah Pusat Kelestarian dan Kesejahteraan, USIM dan Lt. Kolonel Bersekutu (PA) Haji Mazlan bin Nawang, Timbalan Komandan Kor SISPA, USIM.

Disediakan oleh: Nuazri bin Sedik
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Pelajar USIM menanam pokok sempena program



Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bersama USIM

PROGRAM TRAIL CONSERVATION DI TAMAN NEGERI GUNUNG STONG, KELANTAN

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Engku Chik
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

DABONG, 25 NOVEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah menganjurkan Program *Trail Conservation* di Taman Negeri Gunung Stong, Dabong, Kelantan bagi Tahun 2021 pada 25 November 2021 di *Stong Heritage Resort*, Kg. Jelawang, Dabong. Seramai 80 orang peserta yang telah hadir menjayakan program ini.

Program *Trail Conservation* ini diadakan bersama kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bersama Malim Gunung untuk memelihara dan membaik pulih laluan pendakian di Taman Negeri Gunung Stong memandangkan kawasan ini adalah merupakan salah satu produk ekopelancongan yang mendapat permintaan tinggi dari pengunjung di dalam dan di luar negara.

Antara pengisian program ini adalah kerja-kerja pembaikan laluan pendakian dari kaki gunung ke Kem Baha. Beberapa tali-tali di tangga telah dipasang di tempat yang sesuai bagi memudahkan para pendaki semasa mendaki dan dapat mengurangkan risiko kemalangan, pembaikan surau di Kem Baha dan akitiviti mengutip sampah sepanjang laluan ke Kem Baha.



Puncak Kem Baha



Aktiviti pemasangan tali di air terjun untuk menjaga keselamatan pendaki



Membuat longkang bagi memastikan laluan tidak terhakis



Pemasangan tali di laluan Kem Baha

PAMERAN SEMPENA SEMINAR PENILAIAN EKONOMI (EV) DAN BAYARAN PERKHIDMATAN EKOSISTEM (PES)

Disediakan oleh: Mohd Zakuan bin Adzmi
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

CAMERON HIGHLAND, 25 NOVEMBER 2021

Unit komunikasi Korporat dan perhubungan Awam telah menyertai Pameran sempena Penilaian Ekonomi (EV) dan Bayaran Perkhidmatan Ekosistem (PES) yang diadakan di Cameron Highland, Pahang.

Seminar bertemakan "PES ke Arah Kelestarian Sumber" merupakan satu usaha JPSM di bawah projek GEF-GOM:Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape dan disokong oleh United Nation Development Program (UNDP) untuk menyampaikan hasrat Jabatan kepada pelbagai pihak mengenai potensi PES dalam pengurusan alam sekitar. Pameran ini juga turut disertai oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan negeri Pahang (JPNP) dan Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia (PERHILITAN).



Booth pameran IPJPSM, bertemakan kempen penanaman 100 juta pokok: Kempen Penghijauan Malaysia



Timbalan Ketua Pengarah Dasar & Perancangan IPJPSM dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang mencuba aplikasi permainan Penghijauan Malaysia



Pelawat yang datang bagi mendapatkan maklumat tentang kempen penghijauan Malaysia



Pelawat yang datang digalakkan memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia,bagi menyokong program penanaman 100 juta pokok

PROGRAM SAMBUTAN HARI KELUARGA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Biro Kebajikan PERKEHNS
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 27 NOVEMBER 2021

Program Sambutan Hari Keluarga Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) ini telah berlangsung dengan jayanya pada 27 November 2021 bermula jam 9 pagi sehingga 2 petang bertempat di Taman Tema Ehsan Waterpark, Port Dickson. Seramai 150 ahli dan keluarga telah hadir bagi memeriahkan program tersebut.

Program Sambutan Hari Keluarga ini dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (PERKEHNS) dengan Kerjasama JPNS. Program ini menyasarkan penglibatan semua kakitangan dan ahli keluarga JPNS. Program ini telah memberi impak yang besar terhadap hubungan di kalangan kakitangan JPNS dan memupuk semangat kekeluargaan serta kerjasama yang jitu di dalam diri setiap kakitangan.

Antara pengisian program adalah aktiviti sukaneka seperti *Sponge & Fill* - Berkumpulan (Dewasa), *Crazy Hula-Hula* - Berkumpulan (Dewasa), *Three Legged Race* - Berpasangan (Dewasa), *Puzzle* - Berkumpulan (Kanak-Kanak) dan *Sweets and Ballon Pick Up* - Individu (Kanak-Kanak). Hadiah berupa hamper telah disediakan bagi pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga bagi setiap permainan. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan diiringi oleh Tuan Haji Hamidi bin Abd Halim, Timbalan Pengarah Pembangunan dan Encik Noradli @ Mohd Adli bin Parsada, Timbalan Pengarah Operasi.



Seramai 150 ahli dan keluarga yang hadir



Aktiviti sukaneka



Aktiviti sukaneka kanak-kanak

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA PENANAMAN POKOK KE-2 JUTA OLEH YAB MENTERI BESAR PERAK, KETUA-KETUA JABATAN DAN PENGAMAL MEDIA

Disediakan oleh: Murni binti Samsuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

SG. SIPUT, 28 NOVEMBER 2021

Program Penghijauan Malaysia: Penanaman Pokok Ke-2 Juta oleh YAB Menteri Besar Perak, Ketua-Ketua Jabatan dan Pengamal Media telah diadakan di Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Daerah Kuala Kangsar, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis ini turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua-ketua Jabatan Negeri Perak, Pengamal Media, syarikat-syarikat swasta yang menyumbang kepada Perak Oxygen Land Bank (POLB) dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Program ini diadakan adalah bersempena meraikan pencapaian Negeri Perak dalam penetapan sasaran tanaman pokok sebanyak 10 juta bagi tempoh RMKe-12 (2021 – 2025) sempena Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Negeri Perak telah melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mensasarkan tanaman pokok sebanyak 2 juta pokok sepanjang RMKe-12 tersebut dan pada hari tersebut sebanyak 250 pokok yang terdiri daripada pelbagai spesies Keruing telah di tanam di kompleks tersebut. YAB Menteri Besar telah menanam anak pokok Keruing Padi (*Dipterocarpus semivestitus*) yang merupakan pokok ke-2 juta bagi tahun 2021. Pencapaian ini sekaligus menunjukkan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah komited dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 Januari 2021 yang lalu.

JPNPk sangat berbesar hati dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua jabatan kerajaan dan swasta atas kesudian memberikan kerjasama dengan memberikan maklumat tanaman dan mengadakan program Communication, Education, Participation and Awarness (CEPA) bersama JPNPk untuk bersama-sama mencapai sasaran tanaman yang telah ditetapkan.



YAB Menteri Besar Perak sedang menanam pokok ke 2 juta



Aktiviti penanaman pokok oleh Ketua Jabatan

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020 DAN ASPRESASI PERSARAAN 2021 JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 28 NOVEMBER 2021

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 dan Aspresasi Persaraan 2021 Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah diadakan dengan jayanya. Majlis ini adalah bagi meraikan 40 pegawai dan kakitangan JPNT yang telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 dan menyampaikan penghargaan kepada 39 pegawai dan kakitangan yang telah bersara pada tahun 2021. Majlis yang gemilang ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Terengganu.

APC kepada Penjawat Awam ini khususnya kepada Pegawai dan Kakitangan JPNT diadakan pada setiap tahun adalah sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang telah berjaya terpilih agar terus berkhidmat dengan cemerlang serta dapat menyuntik semangat kepada seluruh warga JPNT supaya berusaha membudayakan bekerja cemerlang sepanjang masa seiring dengan kehendak rakyat.

Pada majlis tersebut, JPNT juga telah menerima 20 buah kenderaan Toyota Hilux bagi menggantikan kenderaan yang usang dan rosak setelah sekian lama tidak berganti. Gimik penyampaian replika kunci telah disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja terus kepada Ketua Unit dan Pejabat Hutan Renj setiap Daerah Hutan. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM2.428 juta melalui Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan untuk perolehan kenderaan ini pada tahun lepas.

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderamata kepada para Pesara 2021



Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para Penerima APC 2020

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT DAERAH MERSING BERTEMAKAN PENGHIJAUAN KORIDOR CFS

MERSING, 2 DISEMBER 2021

Majlis Penghijauan Koridor CFS yang diadakan di Kompartmen 66, Hutan Simpan Mersing ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Radzi bin Haji Mohd Amin, Pegawai Daerah Mersing dan turut disertai oleh En. Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah (Pembangunan) selaku wakil rasmi Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Majlis anjuran Projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* ini mensasarkan penglibatan komuniti setempat melibatkan penduduk kampung FELDA Nitar 1, FELDA Nitar 2, Kampung Seri Lukut, Kampung Orang Asli Tanah Abang, Kampung Orang Asli Sg. Tuba dan Kampung Orang Asli Pengkalan Bukit. Program ini bertujuan memberi kesedaran berkaitan kepentingan usaha semua masyarakat dalam memelihara dan memulihara kawasan hutan yang telah terganggu maupun terosot.

Pelancaran program ini adalah bagi memastikan komitmen komuniti setempat secara berperingkat di setiap daerah negeri Johor Darul Ta'zim. Strategi untuk menggabungkan Program Communication, Education and Public Awareness (CEPA) dan Program Penghijauan Malaysia amatlah bersesuaian bagi memastikan aktiviti seperti ini diteruskan dan setiap rekod penanaman didaftarkan di dalam Aplikasi Penghijauan Malaysia. Sebanyak 210 batang anak pokok dari spesies hutan dan nadir telah ditanam di kawasan ini. Aktiviti ini tidak hanya terhenti selepas penanaman selesai, tetapi pokok-pokok yang ditanam akan sentiasa disemak bagi memantau pencapaian peratus 'survival rate' dan pengenalpastian spesies yang sesuai ditanam di sekitar kawasan koridor ekologi.

Disediakan oleh: Shazrul Azwan bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



YBhg. Tuan Haji Mohd Radzi bin Haji Mohd Amin,
Pegawai Daerah Mersing bersama
En. Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli bergambar
selepas menanam pokok sempena
Program Penghijauan Koridor CFS



Penglibatan komuniti setempat dan juga ahli jabatan yang turut serta menanam pokok dari spesies nadir dan hutan



Kawasan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertemakan "Penghijauan Koridor CFS" di Kompartmen 66, Hutan Simpan Mersing

KOLOKIUM PERHUTANAN 2021

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

KUALA LUMPUR , 9 DISEMBER 2021

Satu Majlis Kolokium Perhutanan 2021 telah berlangsung pada 9 Disember 2021 secara fizikal dan virtual bertempat di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

Majlis anjuran bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melalui Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Institut Rimbawan Malaysia (IRIM) ini diadakan sebagai platform bagi membincangkan isu-isu perhutanan terkini dan amalan pengurusan hutan yang melibatkan pelbagai aktiviti rehabilitasi dan pemuliharaan hutan seiring dengan usaha untuk meningkatkan amalan pengurusan hutan secara mampan di Malaysia seterusnya menaikkan martabat sektor perhutanan di mata masyarakat.

Bertemakan 'Rehabilitasi Hutan dan Tanah Terosot', dua (2) orang pakar telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai tema kolokium iaitu Tuan Haji Mohd Ridzuwan bin Endot, Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, JPSM dengan tajuk pembentangan Rehabilitasi Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia: Status, Cabaran & Halatuju dan YBrs. Dr. Haji Ahmad Zuhaidi bin Yahya, mantan Pengarah Bahagian Bioteknologi Hutan, FRIM dengan tajuk pembentangan Rehabilitasi Hutan dan Tanah Terosot di Malaysia: Dari Perspektif R, D & A.

Seramai 101 peserta terdiri daripada IPJPSM, Jabatan Perhutanan Negeri, Universiti Putra Malaysia dan ahli-ahli Institut Rimbawan Malaysia telah menyertai kolokium ini sama ada secara fizikal maupun secara virtual.

Adalah menjadi harapan agar kolokium ini akan dapat memberi pencerahan kepada para peserta yang hadir mengenai usaha-usaha rehabilitasi hutan sejajar dengan pengurusan hutan secara mampan.



Perasmikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Perkongsian ilmu oleh Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, JPSM dan mantan Pengarah Bahagian Bioteknologi Hutan, FRIM



Kehadiran semasa program

PAMERAN SEMPENA 100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA DI PUSAT KONVENTSYEN KUALA LUMPUR

Disediakan oleh: Mohd Zakuan bin Adzmi
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

KUALA LUMPUR, 9-11 DISEMBER 2021

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menyertai pameran sempena Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Konsep Program Penghijauan Malaysia: Kempen 100 Juta Pokok dibawa bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan secara individu dengan memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia dalam telefon pintar masing-masing.

Tujuannya adalah untuk menggalakkan orang ramai supaya menanam pokok dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi. Pameran tersebut juga disertai oleh agensi-agensi lain dari peringkat Kementerian, Jabatan dan juga dari Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Rasional utama program 100 Hari AKM anjuran Jabatan Perdana Menteri ini adalah berkonsepkan 'Keluarga Malaysia' diambil kerana keutuhan negara terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna dalam sesebuah keluarga. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara lansung atau tidak langsung dalam menjayakan pameran tersebut.



Sesi soal jawap Q&A di booth tentang kempen Penghijauan Malaysia: 100 Juta Pokok pameran



Salah seorang pengunjung bertanya tentang kempen Penghijauan Malaysia: 100 Juta Pokok



Para pengunjung mengambil peluang memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia melalui QR code yang disediakan



Selain itu juga booth Kementerian Tenaga dan Sumber asli menjadi tempat pengunjung mandapatkan maklumat

LAWATAN PEMBELAJARAN TEKNIKAL KE TAPAK SELENGGARAAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN HUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Aida Haftina binti Abdul Hamid / Mohd Suruzee bin Yaakub
Bahagian Kejuruteraan Hutan

KUALA LUMPUR, 10 DISEMBER 2021

Bahagian Kejuruteraan Hutan (BKH), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama YBrs. En. Madzri Bin Malek Pengarah Bahagian Kejuruteraan Hutan telah mengadakan satu Sesi Lawatan Pembelajaran Teknikal ke tapak projek di bawah seliaan BKH yang terletak di dalam kawasan Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur, Hutan Simpan Bukit Nanas, Kuala Lumpur.

Tujuan Lawatan Pembelajaran Teknikal ini adalah untuk memberi pendedahan serta perkongsian pengalaman khususnya kepada pegawai baharu di BKH terhadap prosedur serta tatacara untuk mengendalikan kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan di kawasan Taman Eko Rimba di dalam Hutan Simpanan Kekal. Lawatan selama satu (1) hari tersebut telah disertai seramai 15 orang pegawai dan kakitangan BKH.

Hasil daripada lawatan ini kesemua pegawai dan kakitangan diberi taklimat bagi mengenal pasti dan menilai keadaan semasa aktiviti di tapak projek, mengenal pasti isu-isu dan cabaran pasca COVID-19, serta mempertingkatkan pengetahuan berhubung dengan kerja-kerja selenggaraan di tapak.



Barisan Peserta Lawatan bersama YBrs. Pengarah Bahagian Kejuruteraan Hutan bagi Lawatan Pembelajaran Teknikal ke Tapak Selenggaran Bahagian Kejuruteraan Hutan



Barisan peserta lawatan bersama wakil daripada Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur

PAMERAN SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA DAN PENGISYTIHARAN WILAYAH CENTRAL FOREST SPINE (CFS)

KUALA KUBU BHARU, 11 DISEMBER 2021

Disediakan oleh: Mohd Zakuan bin Adzmi
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam (UKKPA) dengan kerjasama Seksyen Central Forest (CFS) Bahagian Pengurusan Hutan (BUH), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menyertai pameran sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan pengisytiharan Wilayah Central Forest Spine (CFS) peringkat negeri Selangor di Taman Tasik Millennium, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Program ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Menteri Besar Selangor dan turut dihadiri oleh YBhg Dato' Mohd Ridza bin Awang, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan Ketua-Ketua Jabatan di Kerajaan Negeri Selangor.

Pameran bertemakan CFS kerana wilayah CFS di negeri Selangor melibatkan Secondary Linkages (SL) CFS S2:SL3 yang merangkumi Hutan Simpan Raja Musa-Hutan Simpan Bukit Tarek-Hutan Simpan Gading. Antara aktiviti utama pada hari tersebut adalah aktiviti penanaman pokok dan juga pameran dari pelbagai sektor kerajaan persekutuan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Secara keseluruhannya pameran sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Pengisytiharan Wilayah CFS Peringkat Negeri Selangor 2021 telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif dalam menyemai dan menyemarakkan rasa cinta terhadap hutan.



Menteri Besar Selangor melawat ke booth pameran CFS IPJPSM dan diberi taklimat tentang CFS



Para petugas booth pameran IPJPSM bergambar bersama maskot harimau kumbang,



Aktiviti menanam pokok oleh Menteri Besar Selangor sebagai sokongan kepada Program Penghijauan Malaysia:

Kempen 100 Juta Pokok



Barisan ahli EXCO negeri Selangor yang datang melawat ke booth pameran IPJPSM bagi mendapatkan maklumat CFS

PESTA BOLA NGOCA 2021

KUALA PILAH, 11-12 DISEMBER 2021

Pesta Bola Ngoca 2021 merupakan sukan unik iaitu membabitkan permainan bola sepak di dalam bendang. Festival yang ditunggu-tunggu rakyat Negeri Sembilan ini telah berlangsung pada 11 - 12 Disember 2021 bertempat di Perkampungan Budaya Terachi, Kuala Pilah. Pesta yang berlangsung selama dua hari itu turut mempertandingkan acara sukan lain seperti ngoca ikan, memanjat tiang licin, ngoca itik, gusti bantal dan basikal titi. Pesta ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Hj. Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Bagi Acara Bola Ngoca, sebanyak 144 pasukan dari seluruh Malaysia telah menyertai kejohanan yang kali pertama diadakan di peringkat negeri selepas Negeri Sembilan beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Terdapat 128 pasukan lelaki dan 16 pasukan wanita bola sepak sawah telah mengambil bahagian dalam edisi kali ini.

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menghantar 4 pasukan bagi menyertai Acara Bola Ngoca pada kali ini. Pasukan Jabatan Perhutanan C telah berjaya ke Peringkat Akhir dan berjaya mendapat Naib Johan serta membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM7,000.00 beserta pingat. Pasukan Jabatan Perhutanan D layak ke pusingan Ke-2 manakala Pasukan Jabatan Perhutanan A dan B gagal melepassi pusingan awal.

Festival ini bakal dijadikan acara tahunan bagi mempromosikan pertandingan bola sepak sawah yang turut diselitkan kebudayaan dan warisan tradisi Negeri Sembilan. Festival ini juga bertujuan memartabatkan semula acara tradisional kepada generasi baru seterusnya memperkenalkan aktiviti ini kepada pelancong dalam dan luar negara

Disediakan oleh: Abdul Nasir bin Ismail
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Pasukan Jabatan Hutan C bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan



Pasukan Jabatan Hutan C memenangi Naib Johan



Aksi perlawan



Bersama pasukan lawan yang lain

PROGRAM ZIARAH DAN BANTUAN KEBAJIKAN PERKEHNS KEPADA KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN YANG TERKESAN AKIBAT MUSIBAH BENCANA BANJIR

Disediakan oleh: Biro Kebajikan PERKEHNS
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

SEREMBAN, 18 DISEMBER 2021

Pada 18 Disember 2021, satu bencana banjir besar telah berlaku di Negeri Sembilan yang melibatkan beberapa daerah telah dinaiki air banjir lumpur seperti di Daerah Jelebu dan Seremban. Kejadian banjir kali ini merupakan banjir yang terbesar dan melibatkan banyak runtuhan tanah di lereng-lereng bukit dan gunung. Aliran air sungai bersama lumpur telah menenggelamkan dan merosakkan rumah kediaman penduduk khususnya yang terletak berhampiran sungai.

Terdapat seramai lima (5) keluarga ahli PERKEHNS yang telah terkesan akibat bencana banjir tersebut sehingga merosakkan harta benda. Biro Kebajikan PERKEHNS telah mengadakan aktiviti ziarah dan membantu kerja-kerja pembersihan rumah ahli yang telah dilanda banjir. Sumbangan barang makanan dan kewangan melalui kutipan derma kilat juga telah disampaikan kepada ahli bagi meringankan sedikit beban yang telah ditanggung.

Disamping itu, PERKEHNS juga turut menyediakan peruntukan bantuan sumbangan kewangan bagi kategori bencana alam yang akan disumbangkan kepada ahli yang telah terkesan akibat musibah seperti banjir berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam peruntukan PERKEHNS. PERKEHNS berharap semua ahli yang ditimpa musibah banjir pada kali ini sentiasa bersabar menghadapi ujian ini. Biro Kebajikan PERKEHNS akan sentiasa berusaha memastikan kebajikan ahli sentiasa diutamakan bagi menjamin kehidupan dan kesejahteraan ahli.



Gotong royong membersihkan kawasan rumah kakitangan yang terlibat banjir



Kawasan banjir



Bantuan sumbangan banjir

SUKAN MUHIBAH FUTSAL

ANTARA PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN) DENGAN KAKITANGAN BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN (BLP)

GOMBAK, 19 DISEMBER 2021

Sukan Muhibah Futsal antara pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) dengan kakitangan Bahagian Latihan Perhutanan (BLP) telah diadakan di KSL Sri Gombak.

Tujuan sukan ini diadakan adalah sebagai salah satu usaha dalam mempertingkatkan kecerdasan fizikal pelatih-pelatih FORTRAIN serta dapat menanam semangat kesukanan di kalangan individu yang terlibat. Aktiviti ini juga dapat membentuk sahsiah, personaliti dan disiplin seseorang pelatih melalui hubungan komunikasi dan kerjasama antara mereka. Selain itu juga, ia dapat meningkatkan silaturahim antara pelatih-pelatih FORTRAIN dengan kakitangan Bahagian Latihan Perhutanan.

Sukan Muhibah Futsal tersebut ini melibatkan pelatih FORTRAIN dan kakitangan Bahagian Latihan Perhutanan (BLP). BLP telah menjemput YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) bagi menyempurnakan majlis perasmian Sukan Muhibah Futsal ini. Turut hadir ke Sukan Muhibah Futsal ini adalah YBhg. Datuk Haji Jeffri bin Haji Abd. Rasid, Pengarah (BLP) serta Encik Radhuan bin Ramli, Pengetua FORTRAIN. YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani telah merasmikan perlawanan akhir Sukan Muhibah Futsal dan seterusnya menyaksikan perlawanan akhir tersebut sehingga selesai. Sejumlah lapan (8) pasukan lelaki dan tiga (3) pasukan wanita telah mengambil bahagian dalam Sukan Muhibah Futsal pada kali ini.



Pertandingan sedang berlangsung antara pasukan

Disediakan oleh: Ihsan Sabri bin Kamarazaman
Bahagian Latihan Perhutanan



YBrs. Tuan Mohd Rahim bin Rani, TKP(OT) telah merasmikan perlawanan akhir Sukan Muhibah Futsal dengan mengambil sepakan penalti sebagai simbolik upacara perasmian sukan tersebut



Barisan pelatih-pelatih Fortrain dan kakitangan BLP



Sesi bergambar pelatih-pelatih FORTRAIN yang bertanding

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BANJIR OLEH JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK KEPADA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR DAN BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN

Disediakan oleh: Mohd Hafiz bin Samsudin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

SG. BULOH, 30 DISEMBER 2021

Bencana alam termasuk banjir besar yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, terutama Negeri Selangor telah menyaksikan seluruh rakyat bersatu hati serta bangkit untuk saling membantu selari dengan semangat Keluarga Malaysia. Kesannya puluhan ribu mangsa ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan sebahagian besar daripada mereka mengalami kemusnahan harta benda setelah kediaman mereka ditenggelami banjir.

Bagi meringankan beban mangsa, Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSPER) dengan kerjasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah mengambil inisiatif dengan menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) serta Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) yang terkesan akibat bencana alam tersebut. Majlis penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusof, Yang Dipertua PERKSPER bertempat di Dewan Lumu, Pejabat Pembangunan dan Latihan, JPNS bertarikh 30 Disember 2021. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan YBhg. Datuk Haji Jeffri bin Haji Abd. Rasid, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan, IPJPSM.

Seramai 59 orang mangsa banjir yang terdiri daripada kakitangan IPJPSM, JPNS dan Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong telah menerima sumbangan berupa barang keperluan seperti sejadah, kain pelikat, telekung, lampin pakai buang, susu bayi dan kit mandian. Barang-barang tersebut sedikit sebanyak dapat menampung keperluan semasa kakitangan berkenaan.

Program ini juga dapat melahirkan rasa bersyukur dan semangat persaudaraan dikalangan warga perhutanan.

PERKSPER dan PUSPANITA JPNP akan sentiasa peka dan akan meneruskan usaha murni sebegini pada masa akan datang bagi membantu kebijakan warga perhutanan yang terkesan akibat bencana alam dan sebagainya.



Sesi bergambar antara JPNP, JPNS dan BLP



Penyampaian cenderamata oleh Pengarah JPNS

TANGKAPAN, KUASA DAN CARA MENANGKAP

Penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) dan Enakmen Industri Berasaskan Kayu (EIBK) atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mempunyai bidang kuasa menangkap pastinya akan melibatkan proses penangkapan suspek. Justeru, bagaimanakah caranya untuk melaksanakan tangkapan? Siapa yang boleh membuat tangkapan? Apakah hak-hak suspek yang ditangkap?

Sebagai Penguatkuasa, kita hendaklah mengetahui perkara-perkara berkaitan perundungan terutamanya tentang kuasa-kuasa yang diberikan sepetimana termaktub dalam APN 1984 mahupun EIBK. Di samping itu juga kita perlu mengetahui hak-hak orang kena tangkap (OKT) bagi mengelakkan sebarang tangkapan salah ataupun salahlaku sepanjang menjalankan tanggungjawab sebagai anggota penguatkuasa.

Tangkapan bermaksud penahanan seseorang secara sah bagi menjawab apa-apa pertuduhan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh suspek. Ucapan perkataan tangkapan semata-mata boleh ditakrifkan sebagai tangkapan jika orang tersebut menerima proses itu dan menuruti pegawai yang menangkapnya. Ia jelas dinyatakan di dalam Seksyen 15 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ);

Subseksyen 15(1) KPJ:

Apabila pegawai polis atau orang lain hendak menangkap orang ia hendaklah menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melaninkan jika ia menyerahkan dirinya melalui percakapan ataupun tingkah lakunya.

Berikut pula puncakuasa tangkapan dibawah APN 1984 dan EIBK;

Subseksyen 88 (1) APN 1984

Seorang pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan atau seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia mempunyai alasan untuk mempercayai telah melakukan suatu kesalahan hutan, jika orang itu enggan menyatakan nama dan alamatnya atau menyatakan suatu alamat di luar Malaysia atau terdapat alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia telah menyatakan nama palsu atau alamat palsu atau dia mungkin akan mlarikan diri; dan boleh menyata apa-apa benda yang difikirkannya perlu disita berhubungan dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya mana-mana kesalahan itu.

Subseksyen 12(1) EIBK

Seorang pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah atau seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan kesalahan dibawah Enakmen ini jika orang itu enggan menyatakan nama dan alamatnya atau jika ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia telah menyatakan nama palsu atau alamat palsu atau dia mungkin akan mlarikan diri.

Disediakan oleh: Ramlee bin Ahmad
Bahagian Perundungan dan Pendakwaan

Sebelum melakukan tangkapan, pegawai berkenaan hendaklah memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa serta memaklumkan alasan tangkapan dibuat. Cara tangkapan adalah berbeza-beza bergantung kepada situasi dan kerjasama yang diberikan. Pegawai yang melakukan tangkapan hendaklah menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melaninkan jika ia menyerah diri melalui percakapan ataupun tingkah lakunya. Jika orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba lari daripada tangkapan, maka pegawai itu boleh menggunakan kesemua langkah yang perlu untuk melaksanakan tangkapan itu. Sungguhpun begitu, ia tidak bermakna pegawai berkenaan diberikan hak untuk menyebabkan kematian pada seseorang yang tidak dituduh berkenaan kesalahan yang boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup.

Mana-mana orang yang ditangkap hendaklah dengan segera tanpa kelengahan yang tidak perlu dibawa ke balai polis yang paling hampir. Setelah itu, tindakan susulan hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuatkuasa. Tatacara jenayah adalah merujuk kepada KPJ dan tindakan yang boleh diambil adalah seperti berikut;

- Seksyen 20 : Memeriksa OKT
- Seksyen 28A : Hak-hak OKT
- Seksyen 29 : Melepaskan OKT
- Seksyen 109 : Penyiasatan dalam kes boleh tangkap
- Seksyen 117 : Jika penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam



TANGKAPAN, KUASA DAN CARA MENANGKAP

Disediakan oleh: Ramlee bin Ahmad
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan

Secara ringkasnya, proses tangkapan adalah seperti berikut;

Tindakan Sebelum Tangkapan

- Kenalpasti kesalahan
- Peruntukan undang-undang
- Kesalahan boleh tangkap tanpa waran atau dengan waran
- Bilangan orang yang disyaki
- Peralatan dan kelengkapan sokongan
- Kekuatan anggota serbuan
- Risiko dan perancangan tangkapan

Tindakan Semasa Tangkapan

- Kenalkan diri
- Mematuhi Seksyen 15 KPJ
- Memberikan hak-hak OKT Subseksyen 28A(1) KPJ
- Penggunaan gari dan lain-lain
- Pemeriksaan tubuh (jika perlu)
- Menyediakan senarai rampasan
- Mengambil gambar barang rampasan
- Merekod semua tindakan, butiran tangkapan dan rampasan

Tindakan Selepas Tangkapan

- Bawa OKT ke Balai Polis tanpa kelengahan
- Diiringi anggota pengiring
- Penggunaan kenderaan jabatan
- Tidak dibenarkan singgah atau berhenti kecuali keadaan memerlukan
- Laporan tangkapan
- Penyerahan tangkapan
- Jaminan/ sebaliknya
- Memaklumkan tangkapan kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (Jika OKT Warganegara Malaysia)
- Serahan barang rampasan kepada Pegawai Penyiasat

Hak-hak OKT

- Mengetahui sebab penangkapannya
- Berkomunikasi dengan saudara atau kawan
- Berkomunikasi, berunding dengan pengamal undang-undang
- Hak mengenai jaminan

Hak OKT berkomunikasi dengan keluarga atau pengamal undang-undang tidak terpakai sekiranya dengan munasabah percaya ia akan mengganggu siasatan atau keterangan dihapuskan atau disembunyikan)

Proses tangkapan hendaklah dilaksanakan dengan betul agar tidak menimbulkan permasalahan termasuklah tangkapan yang tidak sah atau tahanan salah atau tuntutan gantirugi oleh pihak OKT.





Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488 Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: <http://www.forestry.gov.my>